

Jilid II
Bil. 19



Hari Jumaat
16hb Februari, 1973

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1617]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (15hb Februari, 1973) [Ruangan 1625]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972) (No. 2) [Ruangan 1683]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 1685]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Jumaat, 16hb Februari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik.)
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- ” TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- ” DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- ” DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- ” TUAN G. LOUIS (Dilantik).
- ” DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kedah).
- ” TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- ” AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
- ” TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- ” DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- ” TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Perak).
- ” DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- ” WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- ” TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- ” TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- ” TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
- ” TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) Tan, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- ” DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- ” DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SYARIKAT INSURAN DAN
TANDA HARGA

1. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan Syarikat-syarikat Insuran kepunyaan orang asing dan bilangan yang dipunyai oleh rakyat Malaysia di negara ini sekarang;
- (b) jumlah keuntungan yang dibuat oleh Syarikat-syarikat Insuran kepunyaan orang asing yang melaburkan modal terhadap pembangunan dan kemajuan di negeri ini; dan
- (c) adakah beliau berpauashati dengan tandaharga yang dijalankan oleh Kerajaan dan adakah Kerajaan sedar bahawa setengah-setengah barang yang bertandaharga \$2.00 dijual kurang daripada \$2.00.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua:

- (a) Bilangan Syarikat-syarikat Insuran yang di punyai oleh orang-orang asing ialah 80 buah, sementara syarikat-syarikat yang didaftarkan di Malaysia berjumlah 14 dan dari ini, rakyat Malaysia mempunyai saham-saham yang terbanyak dalam 10 buah syarikat.
- (b) Syarikat-syarikat Insuran kepunyaan orang-orang asing bagi tahun berakhir 1971 mendapat keuntungan kira-kira \$3 juta. Angka menunjukkan pecahan keuntungan yang dilaburkan di Malaysia oleh syarikat-syarikat asing ini sangat sukar diberi oleh kerana tak ada butir-butir yang tepat, tetapi pada penghujung tahun 1972, lebih dari 80% harta syarikat-syarikat insuran tersebut dilaburkan di Malaysia dan dari ini lebih dari 20% berbentuk cagaran Kerajaan Persekutuan; dan
- (c) Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan menjawabnya.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, sepatutnya soalan ini diasingkan dan tidak dimasukkan 3 soalan di bawah satu Kementerian. Ahli Yang Berhormat hendaklah ingat pada masa

akan datang supaya tahu tanggung-jawab sesorang Menteri itu supaya soalan yang dibuat tidak salah seperti yang ada pada hari ini. Bagi menjawab (c).

Amalan membeli-belah secara tawar-menawar telah menjadi kebiasaan penduduk negara ini sejak dahulu lagi. Cara membeli-belah demikian adalah merugikan masa dan pengguna tidak dapat mengetahui harga sesuatu barang sebelum pembelian dibuat. Selain dari pengguna-pengguna juga tidak berpeluang untuk membandingkan harga yang ditunjukkan oleh pekedai-pekedai bagi barang-barang yang sama dan jika mereka tiada mempunyai masa untuk menawar, tak dapat tiada mereka akan dikenakan harga yang lebih tinggi daripada sepatutnya yang demikian menggalakan perbuatan cuba mendapat untung yang banyak.

Tuan Yang di Pertua, memandang kesan yang tidak baik ini amalan yang lama itu perlulah dihapuskan. Dengan adanya tanda-harga, pengguna-pengguna boleh mengetahui terlebih dahulu harga sesuatu barang itu dan berpeluang untuk membanding-bandingkan harga yang terdapat di beberapa kedai dan membuat pembelian daripada kedai yang mengenakan harga yang paling rendah. Cara demikian menggalakkan perlumbaan yang sihat di antara pekedai-pekedai untuk meletakkan harga yang semurah mungkin.

Kerajaan sedar ada pekedai-pekedai meletakkan tanda-harga yang lebih tinggi daripada harga yang hendak dijual. Ini dilakukan kerana mereka masih suka mengamalkan perniagaan secara tawar-menawar yang usang itu. Bagaimanapun, pekedai-pekedai yang menunjukkan harga yang lebih tinggi daripada kedai-kedai yang lain tak dapat tiada akan mengalami kerugian. Oleh itu adalah untuk kebaikan dirinya sendiri untuk menunjukkan tanda-harga yang lebih berpatutan.

Pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang mengawasi tanda-tanda harga yang ditunjukkan ke atas barang-barang jualan. Sekiranya tanda-tanda harga itu didapati mahal ataupun tinggi daripada yang berpatutan, pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan menasihatkan mereka supaya meletakkan tanda-harga yang lebih berpatutan. Nasihat-nasihat demikian selalunya dipatuhi oleh peniaga-peniaga yang berkenaan.

Oleh kerana peraturan tanda-harga baharu sahaja dilaksanakan di negara ini, kejayaan yang seratus peratus belum lagi dapat dicapai. Bagaimanapun saya suka menegaskan di sini bahawa tanda-harga adalah sangat berfaedah kepada kedua-dua pihak pengguna dan penjual dan berdasarkan kepada hakikat ini saya adalah berpuashati dengan peraturan yang dikuatkuasakan sekarang.

Dr Mahathir bin Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, satu diripada faedah tanda-harga ini ialah supaya pekedai yang baharu memulakan perniagaan yang kurang cekap tentang menentukan harga dapat mengambil tahu tentang harga yang dikenakan oleh kedai-kedai yang telah lama dalam bidang perniagaan. Tetapi kalau pekedai-pekedai yang lama ini membubuh tanda-harga yang tinggi, tetapi menjual harga yang lebih murah daripada tanda-harga itu, maka ini akan mengelirukan pekedai-pekedai yang kurang mahir. Adakah Kerajaan akan mengambil tindakan supaya tanda-harga yang dilekatkan di barang-barang itu mistilah menjadi harga jualan bagi barang itu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, kita belum lagi ada undang-undang yang bergelar Price Control. Kalau seorang pekedai membubuh tanda itu dan lepas tawar-menawar dia sanggup menjual lebih murah, pada saya tidak ada kesalahan, dan Kerajaan tidak ada cadangan hendak membuat satu undang-undang menyatakan iaitu kalau dijual lebih murah daripada harga yang ditanda, itu adalah satu kesalahan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan kepada soalan (a) iaitu adakah kemungkinan bagi pihak Kerajaan meminta atau menasihatkan kepada syarikat-syarikat insuran yang dipunyai oleh orang asing supaya mereka menjual atau memberi sebahagian daripada saham-sahamnya kepada warga-negara?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, perkara ini adalah dalam pertimbangan Kementerian Kewangan.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di Pertua, berapa buah syarikat insuran yang di punyai oleh bumi-putra pada masa ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya berkehendakkan notis.

IKLAN DAN WARTA BERITA DI TV— GANGGUAN

2. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar tentang rasa tidak puashati yang menjadi-jadi di kalangan penuntun-penuntun talivisyen ke atas gangguan-gangguan yang didatangkan oleh iklan-iklan dan berita tatkala penayangan filem-filem Melayu, Cina dan India dan samada beliau akan mengambil tindakan untuk menentukan supaya penayangan filem-filem tersebut tidak mendapat gangguan-gangguan seperti itu lagi.

Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sedar memang ada orang yang kurang puas-hati tentang gangguan-gangguan tetapi ini tidak dapat dielakkan kerana gambar-gambar ini terlampau panjang dan berita terpaksa disiarkan pada waktu-waktu yang ditetapkan dan berita adalah lebih mustahak daripada filem-filem buruk dan usang yang tersebut. Sambil itu kita akan berusaha untuk mengurangkan segala gangguan.

Dasar Kementerian Penerangan mengenai TV ialah mengangapkan bukannya TV itu semata-mata sebagai alat hiburan, tetapi sebagai suatu alat untuk menyebarkan pengetahuan dan memesatkan penerangan mengenai kemajuan dan pembangunan negara. Rancangan-rancangan hiburan disiarkan di sana sini melalui TV hanya sebagai gula sira.

Tayangan filem-filem komersial yang panjang seperti yang disebutkan tadi melalui TV sebenarnya merupakan sisa konsep bahawa TV itu adalah semata-mata untuk hiburan. Konsep serta pemikiran begini tidak lagi secukup dan sesuai dengan keadaan sekarang ada Kementerian telah membuat rancangan untuk mengurang dan akhirnya memberhentikan terus penayangan filem-filem yang panjang dan tidak bermutu itu. Waktu siaran untuknya akan diisi dengan filem-filem yang dibuat oleh Filem Negara

dan RTM sendiri sebaik saja kedua-dua Jabatan ini dapat menambahkan jumlah pengeluarannya, melalui drama, musik, tarian dan lain-lain. TV akan mencerminkan serta meluaskan kesedaran tentang aspirasi dan pembangunan negara berhubung dengan perpaduan, demokrasi, masyarakat adil dan lain-lain, seperti yang digambarkan dalam Rukunegara. Gambar-gambar asing yang dibawa masuk (syndicated films) akan ditayangkan hanya sekiranya ianya selaras dengan matlamat negara, umpamanya perhubungan race (bangsa), pelajaran, kedaulatan undang-undang, atau hubungan kebudayaan.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dalam setengah-setengah rancangan sebagaimana rancangan mengenai Ugama Islam, kita dapati nampaknya yang ditayangkan muka itu sahaja yang ditunjukkan. Saya nampak muka Yang Berhormat Ahli di sebelah sana (Tuan Haji Othman Abdullah) selalu muncul mengambil bahagian dalam syarahan ugama Islam. Jadi dalam TV nampak muka dia, kita masuk dalam Dewan Negara pun nampak muka dia, naik jemu. Saya mintalah kepada Kementerian ini tidakkah boleh buatkan satu cara yang lain kerana itu bersangkutan dengan ugama Islam, umpamanya minggu ini dijemput Mufti Kedah, minggu depan Mufti Kelantan kemudian Mufti Johor. Dengan itu kita boleh dapat mendengar pendapat alim ulama daripada sesebuah negeri, bukanlah ditunjukkan semata-mata muka seorang ulama daripada Senator.

Tuan Yang di Pertua: Apa soalan tambahannya itu?

Tuan Abdul Samad bin Osman: Saya ingin tahu tidakkah boleh rancangan itu daripada seminggu ke seminggu dengan mengambil fikiran Mufti tiap-tiap Negeri untuk memberi pendapat dalam masaalah ugama?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di Pertua, itu akan diper-timbangkan.

TUNJUK PERASAAN DI KAMPUS

3. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat beberapa tunjuk-tunjuk perasaan oleh penuntut-penuntut baru-baru ini, dan jika ya, apakah tidakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghalang berlakunya lagi tunjuk-tunjuk perasaan itu.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, ya, saya sedar.

Kerajaan tidak menghalang pelajar-pelajar di Universiti mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan jika sekiranya tunjuk-tunjuk perasaan itu diadakan di dalam kampus dengan secara aman dan tujuan-tujuannya tidak bertentangan dengan undang-undang.

Tunjuk-tunjuk perasaan oleh pelajar-pelajar pusat-pusat pengajian tinggi yang tertentu baru-baru ini tidak membolehkan tindakan undang-undang diambil ke atas mereka.

Tuan Yang di Pertua, oleh kerana perkara ini amatlah mustahak diketahui oleh rakyat kita, terutama sekali penuntut-penuntut, maka benarkanlah saya memberi terjemahannya dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Yes, I am aware. The Government is not against demonstrations by students provided they are held within the campus in a peaceful manner and the objects are not unlawful. The recent demonstrations by students of certain institutions of higher learning did not warrant any legal action being taken against them.

Dr Mahathir bin Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Sebenarnya tunjuk-tunjuk perasaan ini bukan sahaja di kalangan penuntut-penuntut dalam universiti, tetapi dalam sekolah-sekolah juga telah ada beberapa tunjuk perasaan, terutama terhadap peraturan-peraturan yang terlampau ketat. Sungguh pun tunjuk perasaan ini ialah satu perkara yang tidak diinginkan di kalangan murid-murid sekolah, tetapi ada kalanya murid-murid itu nampaknya langsung tertekan dengan peraturan-peraturan yang begitu ketat sehingga mereka tidak dapat membuat apa-apa, melainkan mengadakan tunjuk perasaan. Bolehkah atau tidak Yang Berhormat Menteri mengadakan satu kajian tentang peraturan-peraturan yang dikenakan kepada sekolah-sekolah, terutamanya sekolah-sekolah yang mana penuntut-penuntutnya tinggal di dalam asrama, kerana di sekolah-sekolah inilah yang kerap-kali terjadi tunjuk perasaan terhadap guru-guru besar khususnya?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, saya menjawab demikian dan menumpukan jawapan saya kepada penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar di universiti, oleh kerana saya menganggapkan soal ini terhadap kepada tunjuk-tunjuk perasaan yang diadakan baru-baru ini di Institusi-institusi Pelajaran Tinggi umpamanya di Universiti Malaya baru-baru ini, di Universiti Kebangsaan dan di Institut Teknologi Kebangsaan. Jadi itulah sebabnya saya tidak menjawab dan memberi pandangan berkenaan dengan pendirian Kerajaan atas tunjuk-tunjuk perasaan yang telah diadakan di sekolah-sekolah menengah kita.

Berkenaan dengan tunjuk perasaan di sekolah menengah itu kita hendaklah cermat sedikit, sebab kita ada membezakan iaitu tunjuk perasaan oleh penuntut-penuntut universiti dibuat oleh penuntut-penuntut yang umurnya lebih daripada penuntut di sekolah menengah. Jadi oleh kerana ada kesulitan dan kerana hendak diberi pertimbangan yang lebih mendalam lagi, maka saya akan kaji masaalah itu, dan jika perlu, saya akan menerangkan kedudukan pandangan Kerajaan berkenaan dengan tunjuk perasaan di sekolah-sekolah menengah pula.

SENAPANG PATAH KEPADA PASUKAN KAWALAN

4. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan menyediakan senapang patah kepada semua kampung-kampung dan Kampung-kampung Bahru untuk menjaga keamanan dan keselamatan kawasan-kawasan mereka.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk mengeluarkan senapang-senapang patah kepada semua kampung-kampung dan Kampung-kampung Baru. Akan tetapi kerajaan sedia membekalkan senapang-senapang patah kepada ahli-ahli Pasukan Kawalan di kampung-kampung termasuklah juga kampung-kampung Baharu jika keselamatan kampung-kampung itu sebenar-benarnya didapati terancam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BERBEKALAN, 1973

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (15hb Februari, 1973).

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan berkenaan dengan Kementerian Perhubungan.

Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian atas pandangan-pandangan dan rancangan-rancangan yang telah diberi dan saya tidak ingin menjawab satu-persatu atas cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang telah diberikan itu. Oleh sebab itu, saya cuma ingin mengambil peluang ini menjawab beberapa soalan yang specific sahaja.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan soal yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Ibrahim Yaakub berkenaan dengan membuat undang-undang baru mengenai lesen-lesen teksi.

Perkara pengangkutan jalan adalah tugas Kerajaan Persekutuan mengikut Perlembagaan Malaysia. Sungguh pun begitu Kerajaan Negeri adalah juga berunding berhubung dengan bilangan atau tambahan bilangan lesen teksi dan kereta sewa dalam negeri-negeri itu dari satu masa kesatu masa. Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan akan memproses dan menseimbangkan permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen teksi dan kereta sewa itu dan juga membuat keputusan-keputusan mengenainya. Sistem ini adalah memuaskan. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan teksi-teksi dibenarkan keluar dari kawasan-kawasan yang telah diuntukkan, tetapi tidak boleh keluar dari satu negeri ke satu negeri lain.

Tuan Yang di Pertua, tujuan mengadakan perkhidmatan teksi dan kereta sewa adalah untuk memberi perkhidmatan penumpang melalui jalan raya dengan mudah dan cepat. Sekiranya perjalanan teksi dan kereta sewa itu disekat sepertimana yang dicadangkan

oleh Ahli Yang Berhormat, maka langkah yang demikian akan menyekatkan kemudahan dan kecepatan perjalanan penumpang-penumpang. Oleh hal yang demikian, Kementerian saya tidak bercadang untuk menghad perjalanan teksi dan kereta sewa yang berjalan jauh. Teksi-teksi untuk bandar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang adalah terhad dalam kawasan perbandaran-perbandaran itu.

Ahli Yang Berhormat juga mengkaitkan soalan jenayah dengan soalan di atas ini. Jenayah rompakan tidak hanya berlaku dalam teksi, tetapi juga di lain-lain tempat. Soalan samada teksi atau kereta sewa itu digunakan untuk tujuan jenayah tidak kena-mengena oleh kerana penjenayah-penjenayah bukan sahaja boleh menggunakan teksi dan kereta sewa bahkan juga jenis pengangkutan yang lain.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya mengapakah di Kuala Lumpur tidak dikeluarkan lesen-lesen teksi yang baharu semenjak 1970 dan kekosongan teksi tidak diiklankan di akhbar-akhbar.

Adalah tidak benar, lesen-lesen teksi tidak dikeluarkan semenjak 1970 untuk Kuala Lumpur. Sebenarnya, sebanyak 43 lesen telah dikeluarkan semenjak tarikh yang tersebut. Berhubung dengan pengistiharan kekosongan, maka perkara ini adalah terpulang kepada budibicara Lembaga Pelesenan.

Semenjak awal tahun ini kekosongan bagi lesen-lesen teksi tidak lagi diiklankan dalam suratkhbar, akan tetapi akan diisytiharkan di Pejabat Pendaftar Kereta-kereta Motor, Pejabat-pejabat Pegawai Daerah, di balai-raja, mesjid, surau di mana kekosongan itu berlaku ataupun ada. Sekiranya perlu, maka pengisytiharan dalam akhbar akan juga ditimbang.

Yang Berhormat Encik Yeap Kheng Yam minta Kementerian mengambil tindakan ke atas lori yang membawa muatan lebih, lori yang membawa pasir, tanah, bijih yang muatannya berterbangan, lori yang lari laju bagi mengelakkan berlakunya kemalangan.

Tuan Yang di Pertua, Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis adalah sentiasa mengambil tindakan terhadap lori-lori yang melakukan kesalahan membawa muatan lebih, lari laju lebih daripada had yang dibenarkan dan juga kesalahan-kesalahan membawa pasir, tanah dan

Mengenai jeti Kuala Trengganu, Juru-juru Perunding tempatan telah dilantik sejak awal November, 1972 dan mereka telahpun menjalankan siasatan kejuruteraan yang perlu dan mereka sekarang sedang bertugas menyediakan rekabentuk terakhir untuk membina jeti tersebut. Pembinaan jeti ini akan bermula dalam pertengahan tahun ini dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1974. Kelewatan menjalani projek ini ialah kerana sebab-sebab mencari tempat untuk menggantikan kawasan bengkel JKR yang pada masa ini bengkel tersebut terletak di kawasan jeti ini.

Yang Berhormat Datuk Abdul Razak bin Hussin ingin mengetahui samada pihak Keretapi akan mengkaji kemungkinan membina landasan keretapi dari Jerantut ke Pelabuhan Kuantan yang dijangka siap dibina pada 1975.

Tuan Yang di Pertua, pada ketika ini pihak Keretapi adalah mengangkut pengeluaran-pengeluaran daripada Rancangan Jengka Tiga Segi melalui Kuala Krau ke Pelabuhan Kelang. Cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Razak bin Hussin bagi membina landasan keretapi dari kawasan Jengka Tiga Segi ke Pelabuhan Kuantan yang dijangka siap dalam tahun 1975 adalah diambil ingatan.

Beliau juga meminta pihak Jabatan Perkhidmatan Pos mengkaji semula sistem Poskod yang diadakan di Kuala Lumpur sekarang.

Tujuan sistem Poskod Kuala Lumpur ialah hendak memudah dan mempercepatkan penyampaian surat-surat demi kepentingan orang ramai. Sistem ini telah dibentuk setelah kajian teliti dibuat mengenai faktor-faktor yang berkenaan. Poskod Kuala Lumpur adalah terbahagi kepada dua bahagian: bahagian pertama menunjukkan daerah pos dan bahagian kedua menunjukkan kawasan penyampaian surat-surat oleh seseorang posmen. Adalah tidak mungkin mengadakan hanya satu poskod untuk satu jalan yang panjang dan jauh dan yang perkembangannya telah maju dengan pesat oleh kerana surat-surat yang ditunjuk kepada alamat-alamat disepanjang jalan yang demikian tidak dapat disampaikan semuanya oleh satu orang posmen sahaja. Inilah menyebabkan pembahagian Jalan Tuanku Abdul Rahman kepada beberapa poskod. Untuk

memudahkan orang ramai memaham Poskod Kuala Lumpur maka satu panduan Poskod Kuala Lumpur yang mengandungi peta-peta dan juga satu lagi panduan Poskod kecil Kuala Lumpur yang tidak mengandungi peta-peta telah dicetak dan boleh didapati di semua Pejabat-pejabat pos seluruh Malaysia.

Sebenarnya

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, bolehkah saya memberi penjelasan sedikit berkenaan dengan poskod ini seperti yang dikatakan oleh Datuk Abdul Razak.

Mengikut kata Menteri poskod ini dibuat untuk menyenangkan orang menghantar surat. Jadi itulah sebabnya poskod itu dibuat. Pada hari ini poskod yang dibuat itu menyusahkan orang yang hendak menghantar surat itu hendak mengingatkan nombor yang begitu banyak, tidak bagaimana di England, kata Datuk Abdul Razak itu, kalau nombor satu, dua, tiga. Ini banyak nombor sehingga terpaksa kena mengambilkan sebuah buku kena ingatkan dalam kepala. Saya rasa, hendak mengingatkan nombor-nombor ini bukanlah satu perkara yang senang. Itulah kehendak Datuk Abdul Razak dalam pertanyaannya, Tidakkah boleh nombor itu dicecilkan atau buat cara alphabet umpamanya macam di England di satu-satu kawasan, tidakkah nombor itu begitu banyak terpaksa orang yang hendak menghantar surat itu membuka buku kecil tiap-tiap kali menghantar surat. Ini bukan poskod yang cara praktikal dan hendak mengingatkan semua itu tidak ada kepala boleh ingat. Saya rasa, perubahan ini perlu dibuat oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, apa sistem baharu yang dikuatkuasakan yang dijalankan di mana-mana tempat pada mula-mulanya mereka kadang-kadang terkeliru sedikit, tetapi masa akan menentukan samada sistem ini baik atau tidak.

Tuan Yang di Pertua sebenarnya Poskod Kuala Lumpur adalah satu sistem yang mudah, apa yang dikehendaki ialah pembiasaan (familiarization). Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan tidak berniat untuk menyusahkan rakyat, bahkan memewahkan negara, tetapi saya rasa sebagai

rakyat luar bandar, saya tidak berani menghantar surat di Kuala Lumpur ini, saya terpaksa berhati-hati. Umpamanya, Tuan Yang di Pertua, hujung Jalan Melaka (Chartered Bank) dan dia juga hujung Jalan Campbell apa nama tempat itu, saya sendiri tidak arif. Saya rasa, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan patut sedar rayuan ini ialah rayuan yang betul, rayuan yang hendak memberi lebih baik pandangan rakyat kepada Kerajaan. Kalau menanti kebiasaan, perkara itu memakan masa. Kalau rakyat menulis cara yang ada pada hari ini, apa Kerajaan hendak buat. Sebelum rakyat bergerak ke langkah itu, ada baiknya kita tiru negara jiran, Singapura sekarang membuat dengan Singapura 1, Singapura 2, 3, 4, 12, 13, 14, 15, 16 dan 17. Di England sendiri, Timur-Barat—East-West, West-North, dengan tidak pakai nombor. Keadaan kita sekarang, Tuan Yang di Pertua, terlampau cepat ke hadapan sehingga kita tergelasah. Apa salahnya kita setapak ke hadapan mara, kalau ini baik kalau ini tidak baik, kita undur dua tapak kebelakang untuk keselamatan. Terma kasih, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Lee San Choon: Kita akan ambil perhatian atas pandangan Datuk itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk) Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di Pertua, izinkan saya untuk memberikan beberapa pandangan di atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tidak banyak perkara-perkara tanah yang disentuhkan kecuali Yang Berhormat Senator Chua Ching Cheng yang telah memberikan suatu pandangan iaitu atas soal pemodal-pemodal asing membeli tanah di negara ini yang menyebabkan harga rumah dan tanah melambung tinggi dan Yang Berhormat itu mengharapkan supaya Undang-undang Tanah dipinda dengan tujuan untuk mengawal dan juga mencegah keadaan seperti demikian. Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, soal ini pihak Kerajaan sedang membuat kajian yang berat dan adalah diangka tindakan selanjutnya akan diambil seberapa cepat yang boleh.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah ada juga menyatakan tentang ada banyak tanah-tanah untuk bertanam padi hanya dibenarkan dengan cara lesen tumpangan sementara

sehingga beberapa tahun lamanya dengan tidak mengeluarkan surat hak milik. Perkara ini tidaklah memuaskan kata beliau, oleh itu, beliau meminta Kerajaan mengambil tindakan supaya segala hak-hak milik itu dikeluarkan untuk faedah dan kepentingan petani-petani.

Tuan Yang di Pertua, memang menjadi dasar Kerajaan supaya kaum-kaum tani itu diberikan tanah untuk tapak kehidupan mereka samada tanah padi ataupun tanah apa sahaja. Tetapi dalam soal ini, ianya berlaku dalam setengah-tengah Negeri, sebab soal tanah seperti ini adalah soal Negeri. Mengikut apa yang saya tahu ialah ada berbagai-bagai jenis tanah yang diberikan secara T.O.L. kepada petani-petani, ada tanah-tanah yang menjadi tanah simpanan untuk sesuatu yang tertentu sementara simpanan itu tidak digunakan kepada tujuan yang sebenar buat masa itu maka diberi kebenaran sementara kepada kaum-kaum tani itu membuat tanaman padi dan tidaklah dapat tanah seperti itu mengikut pandangan Kerajaan Negeri untuk diberikan hak milik. Dan demikianlah sebagai satu contoh bagaimana soal memberikan hak milik tanah-tanah yang diberi sewa secara lesen sementara kepada kaum-kaum tani. Kejadian seperti ini tidak banyak dan saya percaya perkara seperti ini lambat-laun akan selesai apabila penyelesaian tanah dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Untuk membuat penjelasan?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Ya, Tuan Yang di Pertua. Yang saya katakan ialah dalam kawasan Hilir Perak iaitu kawasan Labu Kubung dan Sungai Manek. Labu Kubung dan Sungai Manek ini merupakan satu kawasan padi yang luas di negeri Perak. Kawasan Sungai Manek setengah-setengahnya mendapat geran dan di Labu Kubung kebanyakannya belum lagi mendapat surat akuan atau geran daripada Kerajaan dan ini berjalan sudah berpuluh-puluh tahun bukan berbelas-belas tahun, berpuluh tahun, dan tanah itu, saya rasa, Kerajaan tidak mempunyai cadang hendak membuat apa-apa, kerana tanah itu memanglah tanah sawah—tanah bendang. Kerajaan telah mencadangkan supaya di tanam padi dua kali setahun.

Rakyat dalam kawasan itu memerlukan tenaga yang lebih baik iaitu menggunakan jentera.

MARA telah bersedia untuk memberikan pinjaman kepada petani-petani untuk membeli Kubota atau jentera-jentera yang boleh membajak, tetapi kaum tani ini tidak dapat meminjam, oleh kerana MARA memerlukan cagar daripada tanahnya. Tanahnya yang hendak dicagarkan itu ialah masih T.O.L. sudah berpuluh tahun. Kenapa Kerajaan atau Kementerian ini yang saya rasa dapat menyelesaikan perkara ini dengan segera tidak dapat memberi pertolongan kepada petani-petani yang sesungguhnya memerlukan pertolongan itu, bilakah soal ini hendak diselesaikan dengan segera supaya masalah itu dapat di atasi?

Tuan Yang di Pertua: Apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu, bila masanya hak milik itu hendak didapati?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Ya, itu satu. Yang keduanya, jawapan Yang Berhormat Menteri itu tidak ada kena-mengena dengan apa yang saya kemukakan, sebab tanah itu ialah tanah yang memangnya sudah lama dijadikan tanah bendang bukan sementara. Jadi bilakah hendak ditukar tanah itu?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di Pertua, apa yang saya sebutkan itu ialah berkenaan dengan lesen sementara, jadi sebenarnya sampai saat ini hingga sekarang, saya belum sedar lagi bahawa tanah di situ demikian bentuk atau sifatnya. Saya percaya Ahli Yang Berhormat dapat bekerjasama dengan saya untuk memberikan laporan sepenuhnya supaya dapat saya membuat perhubungan dengan Kerajaan Negeri bagi mengatasi soal itu.

Tuan Yang di Pertua, berbangkit dengan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Rahim Manan berkenaan dengan Tabung Haji. Saya sukalah menyatakan beberapa perkara di sini tentang soal perjalanan Tabung Haji dengan kemudahan-kemudahan Jemaah Haji menuaikan fardu haji ke Mekah.

Yang Berhormat itu telah membangkitkan bahawa Kerajaan sepatutnya mengambil tindakan bagi mengkaji semula kakitangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Beliau

menyatakan demikian oleh kerana ada kalanya Paspot-pasport Jemaah Haji tidak sampai ke tangan mereka pada hari Jemaah Haji hendak belayar.

Yang sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, tiap-tiap Jemaah Haji diminta mencukupkan simpanan di lembaga untuk perbelanjaan tiket dan wang Saudi sekurang-kurangnya dua bulan dari tarikh pelayaran ataupun penerbangan mereka ke tanah suci, tetapi terdapat juga sebilangan kecil daripada mereka yang tidak dapat mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Lembaga. Hal ini telah menimbulkan beberapa kerumitan pentadbiran terutama sekali kepada bakal-bakal haji yang hanya dapat mencukupkan simpanan di pelabuhan sesaat sebelum kapal itu belayar.

Memandang keadaan sedemikian rupa pihak Tabung Haji terpaksa memberi layanan kepada mereka, Paspot dan tiket dikeluarkan masa itu juga. Selain daripada syarat-syarat mencukupkan simpanan tiap-tiap bakal haji telah ditetapkan belayar dengan pelayaran-pelayaran yang ditentukan, tetapi ada sebilangan kecil yang memohon penukaran pelayaran. Penukaran pelayaran hanya dapat dilaksanakan jika terdapat kekosongan di pelayaran yang mereka mohon itu. Walaupun pihak Lembaga telah memberitahu kepada mereka yang tidak berjaya menukarkan pelayaran kerana tidak ada tempat yang kosong, tetapi ada juga mereka yang tidak menghiraukan keputusan yang dibuat dan dengan cara mengadu nasib mereka pergi ke Pelabuhan dengan harapan ada tempat yang kosong. Semasa di Pelabuhan bakal-bakal Haji ini merayu-rayu meminta supaya mereka dapat belajar. Semasa itu urusan visa dan lain-lain untuk bakal-bakal Haji itu belum dibuat, dan yang demikian dengan persetujuan pihak Perkapalan mereka dibenarkan belayar sementara urusan visa, tiket dan lain-lain dibuat. Kerana urusan ini tidak dapat diselesaikan dalam sehari, maka pihak Lembaga terpaksa menghantar paspot-pasport mereka dengan kapalterbang untuk diserahkan kepada bakal-bakal Haji sebelum mereka mendarat di Pelabuhan Jeddah.

Selain daripada itu, Yang Berhormat telah membangkitkan kesulitan-kesulitan di Pelabuhan Kelang. Jemaah-jemaah Haji ketika sampai di Pelabuhan tersebut biasanya mendapat arahan daripada tiga macam Polis: ada Polis Pelabuhan, ada Polis biasa dan ada Polis Tambahan. Untuk memperbaiki kawalan

di Pelabuhan Kelang, Tuan Yang di Pertua, tiap-tiap tahun diadakan beberapa mesyuarat di antara pihak-pihak yang berkenaan seperti Lembaga Pelabuhan Kelang, Polis Pelabuhan, Polis biasa dan Polis Tambahan, Pasukan St. John Ambulan, Persatuan Syeikh-syeikh Haji dan lain-lain. Hasil daripada mesyuarat-mesyuarat ini peraturan-peraturan kawalan dapat ditetapkan dan mereka yang bertugas di Pelabuhan mengetahui sedalam-dalamnya tugas masing-masing.

Di hari pelayaran itu juga satu Bilek Gerakan diadakan di Pelabuhan di mana wakil daripada semua pihak berada untuk membincangkan perkara-perkara yang mungkin berbangkit terutama sekali mengenai kebajikan Jemaah Haji dan kawalan penghantar-penghantarnya.

Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan tentang kesulitan yang dihadapi semasa Jemaah Haji tiba balik di Pelabuhan tersebut, iaitu desakan orang di Pelabuhan. Beliau bertanya kenapa seseorang Jemaah itu dibenarkan 4 pas—4 keping kebenaran untuk penghantar-penghantar ataupun penyambut yang datang naik ke kapal, sedangkan tempat di Pelabuhan itu tidaklah mencukupi dan terlalu sempit.

Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, sejak beberapa tahun yang lalu lagi tiap-tiap Jemaah Haji diberi 8 keping pas untuk keluarga mereka menaiki kapal, 4 semasa pelayaran pergi dan 4 lagi semasa ketibaan kapal balik dari Jeddah. Pada tiap-tiap tahun juga sebilangan besar dari Jemaah-jemaah Haji telah memohon kadar yang diberi itu ditambah oleh sebab pada pendapat mereka bilangan yang diberi itu tidak mencukupi. Pihak Lembaga dan pihak-pihak berkenaan berpendapat elok sungguh jika kadar pas-pas itu dikurangkan, tetapi kemungkinannya adalah besar sekali untuk mendapat tentangan yang keras daripada orang ramai. Perkara ini adalah perkara yang amat rumit sekali dan buat masa ini kita terpaksa menunggu dan melihat keadaan dahulu dengan kadar yang sekarang ini kita rasa biarlah sementara bertahan seperti itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan bahawa Tabung Haji telah meminta syeikh-syeikh Haji supaya mereka membawa barang-barang Jemaah Haji untuk menyenangkan Jemaah-jemaah tersebut menaiki kapal. Apa yang berlaku, kata Ahli Yang

Berhormat itu, ialah barang-barang tersebut telah disimpan di perut kapal itu dan tidak dibawa ke bilik Jemaah-jemaah Haji tersebut.

Tuan Yang di Pertua, barang-barang yang berat dan besar memang tidak dibenarkan dibawa ke tempat tidur Jemaah Haji itu, barang-barang ini dikehendaki oleh pihak Perkapalan disimpan di perut kapal. Barang-barang yang dibenarkan dibawa ke tempat tidur ialah barang-barang yang mungkin diperlukan semasa pelayaran. Dengan itu tiap-tiap Jemaah Haji dikehendaki menyerahkan barang-barang besar dan berat itu kepada Syeikh-syeikh Haji satu hari sebelum belayar dan barang-barang ini dibawa terus ke kapal untuk disimpan ke perut kapal.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:

Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan. Barang-barang yang saya maksudkan bukanlah barang-barang yang berat seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi beg kain baju atau barang makanan atau tilam tikar bantal untuk digunakan dalam kapal. Barang-barang ini dengan arahan Tabung Haji supaya Syeikh-syeikh Haji di Malaysia membawa barang ini naik terus ke kapal, apabila sampai ke kapal ada masanya barang ini hilang.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:

Tuan Yang di Pertua, barangkali ada kesilapan berlaku. Sebenarnya barang-barang untuk digunakan semasa belayar seperti beg kain baju dan makanan itu tidaklah diarahkan supaya diserahkan kepada Syeikh Haji. Jadi Jemaah Haji itu bawa sendiri supaya senang sampai ke tempat tidur, barangkali ada kesilapan berlaku dan kita ambil perhatianlah.

Jadi peraturan yang saya sebutkan tadi berjalan dengan memuaskan dan pihak Lembaga tidak ada menerima sebarang aduan daripada Jemaah-jemaah Haji, barangkali kerana kekeliruan mungkinlah ada satu dua kes yang berlaku seperti itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan tentang layanan yang terdapat di kapal 'Malaysia Kita' patut dikaji semula. Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, selepas sahaja pelayaran pertama 'Malaysia Kita' pihak Lembaga telah menerima lapuran dari Pegawai-pegawai Kebajikan di atas kapal tentang rasa tidak puas hati bakal-bakal Haji mengenai makanan semasa dalam pelayaran, perkara ini telahpun dibincangkan dengan

pihak Perkapalan sebaik-sebaik sahaja menerima laporan ini. Laporan-laporan yang didapati daripada lain-lain pelayaran Kapal Haji 'Malaysia Kita' ini berkenaan dengan makanan adalah memuaskan. Jadi tindakan sudahpun diambil. Tentang harga barang-barang yang dijual dalam kapal Haji terlalu mahal sebagai misalnya Ahli Yang Berhormat itu mengatakan harga sebiji roti ialah sampai 60 sen, ini pihak Lembaga akan menjalankan penyiasatan dengan telitinya.

Ahli Yang Berhormat itu juga bercadang supaya Kerajaan tidak membenarkan orang-orang yang tua dan uzur menunaikan fardu Haji. Jika Kerajaan membenarkan sekalipun, biarlah mereka ini pergi dengan kapal terbang.

Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, sebelum Passport Haji dikeluarkan kepada bakal-bakal Haji mereka hendaklah terlebih dahulu menjalankan pemeriksaan doktor atas kesihatan mereka untuk pergi ke tanah suci. Bakal-bakal Haji yang sangat uzur tubuh badannya untuk mengembara ke Tanah Suci dinasihatkan supaya jangan pergi ke Tanah Suci itu. Mengikut peraturan yang ada sekarang Paspot-paspot Haji hanya dikeluarkan kepada bakal-bakal Haji yang telah mengemukakan surat perakuan yang ditandatangani oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan menyatakan bahawa pemohon itu sihat tubuh badannya. Tabung Haji tidak boleh memaksa seseorang bakal Haji pergi dengan kapal laut atau kapal terbang, kecuali bolehlah menasihatkan mereka memilih cara pemergian yang sesuai dengan keadaan mereka.

Ahli Yang Berhormat itu mencadangkan supaya Pegawai Kebajikan yang dilantik oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji biarlah terdiri daripada orang yang matang. Beliau mencadang supaya Pegawai ini dilantik daripada mereka yang juga turut hendak menunaikan fardu Haji. Pegawai Kebajikan Yang Kehormat dilantik untuk bertugas di atas kapal adalah dipilih daripada kalangan Jemaah-jemaah Haji oleh Jawatankuasa Kebajikan Lembaga. Pemilihan dibuat setelah ditapis dan dikaji sedalam-dalamnya bahawa mereka yang dilantik akan dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada Jemaah-jemaah Haji semasa dalam pelayaran. Adalah menjadi hasrat Lembaga supaya Pegawai-pegawai Kebajikan yang bertugas di atas Kapal Haji itu terdiri daripada Pegawai-pegawai Lembaga sendiri,

akan tetapi memandang bahawa Lembaga masih kekurangan Pegawai, maka setakat ini belumlah lagi dapat dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan tentang cara Lembaga Urusan Tabung Haji bayar wang kepada Jemaah-jemaah Haji sekarang patut dikaji semula. Tuan Yang di Pertua, sebelum Musim Haji Tahun 1971/1972 tiap-tiap bakal Haji dikehendaki membeli deraf-deraf bank untuk perbelanjaan di Tanah Suci dan harga tiket secara bersendirian. Hal ini telah menimbulkan beberapa kesulitan terutamanya kepada bakal-bakal Haji yang tinggal dipendalaman. Kesulitan ini juga dialami semasa mereka hendak menukar deraf di Jeddah dan ada terdapat deraf-deraf mereka hilang dan juga sampai kepengetahuan Lembaga bahawa pernah berlaku deraf-deraf Jemaah Haji telah jatuh ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Maka untuk mengatasi perkara ini satu kajian mendalam telahpun dibuat. Kajian-kajian yang dijalankan bukan sahaja bertujuan untuk mengelakkan bakal-bakal Haji daripada membelanjakan wang berlebihan bahkan juga dengan tujuan keselamatan dan kawalan perbelanjaan mereka semasa di Tanah Suci.

Berhubung dengan hal ini satu ketetapan telah dicapai iaitu bakal-bakal Haji tidak payah lagi membeli deraf bank secara bersendirian tetapi mereka dikehendaki membuat simpanan yang cukup di Tabung Haji untuk perbelanjaan pemergian mereka ke Tanah Suci. Pembelian wang Saudi dibuat oleh Lembaga bagi pihak bakal-bakal Haji tanpa mengenakan komisen-komisen bank. Had minima perbelanjaan Jemaah-jemaah Haji pada tahun-tahun yang lampau ialah 1,000 rial. Bayaran kepada Jemaah Haji di Tanah Suci dibuat dua kali iaitu kali yang pertama sebanyak 400 rial Saudi semasa Jemaah Haji tiba di Jeddah dan kali kedua sebanyak 316 rial Saudi dibayar kepada Jemaah Haji di Mekkah. Bayaran cukai perkhidmatan dan Mutawwif sebanyak 284 rial Saudi dijelaskan terus oleh Lembaga kepada Syekh Haji yang berkenaan. System ini didapati berjalan dengan licin dan memuaskan dan juga telah mendapat sambutan baik dari pihak-pihak yang berwajib di Arab Saudi.

Pada akhirnya beliau telah menyentuh memberikan pendapat bahawa pihak perubatan yang dikhaskan untuk Jemaah Haji itu tidak patut bercuti pada hari Jumaat.

Lima orang doktor adalah tidak mencukupi; jika doktor-doktor ini diberi cuti hari Jumaat, maka bilangan doktor hendaklah ditambah, tetapi, walaupun Pejabat Perubatan ditutup pada hari Jumaat, doktor-doktor dan kakitangan perubatan ada bertugas pada hari itu mengikut giliran masing-masing. Bilangan rombongan perubatan ke tanah suci ditambah dari satu masa ke satu masa mengikut bilangan Jemaah-jemaah Haji pada tahun itu.

Tuan Yang di Pertua, ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang lain membangkitkan, iaitu pada hari semalam, tentang bayaran bonos yang diberi kepada penyimpan sebanyak 6% atau 6½% itu patutlah dinaikkan. Sebenarnya pemberian bonos sebanyak 6% atau 6½% itu ialah berdasarkan kepada keuntungan yang didapati daripada penanaman modal yang dilakukan oleh Tabung Haji ini dan adalah besar kemungkinan kepada penanaman modal itu memberi keuntungan yang lebih lagi pada masa-masa yang akan datang, besar kemungkinan pihak Kerajaan dan juga pihak Lembaga Urusan Tabung Haji akan dapat menimbangkan untuk menambahkan lagi jumlah bonos itu sendiri.

Yang kedua, beliau membangkitkan tentang berita kematian Jemaah Haji yang berada di tanah suci, samada semasa kapal belayar pergi ataupun semasa di tanah suci ataupun semasa dalam pelayaran pulang. Biasanya berita-berita itu sampai terlalu lewat, kadang-kadang kapal sudah sampai, keluarga akan menyambut di kapal, didapati yang hendak disambut sudahpun pergi terlebih dahulu. Mereka meminta supaya dapatlah berita itu disampaikan lebih awal lagi.

Soal yang besarnya, Tuan Yang di Pertua, ialah tentang kesulitan perhubungan antara kita dengan negara Saudi Arabia itu sendiri. Tidak ada perhubungan telex antara kita dengan negara Saudi, malah kalau kita menghantar taligram sekalipun, sampai seminggu baharulah sampai di Saudi. Inilah satu perkara yang amat sulit buat masa ini dan sebenarnya kalau ditakdirkan kematian di tanah suci, kalau ada sesiapa meninggal dunia di hospital Kerajaan ataupun hospital yang disediakan oleh pihak kita sendiri, maka berita dapat diberitahu dengan sertamerta juga, walaupun memakan masa seminggu ataupun lebih sedikit. Tetapi kalau kematian itu di luar daripada hospital,

tempat kawalan Kerajaan, kadang-kadang berita kematian itu lambat sampai kepada Pesuruhjaya Haji ataupun kepada kedutaan kita, ataupun kepada mereka yang bertanggungjawab tentang Jemaah Haji itu, maka oleh kerana lambat sampai berita, lambatlah pula diberitahu. Inilah hal-hal yang berlaku.

Selain daripada itu, tentang soal kematian atas kapal, kapal sendiri pun tidak ada perhubungan telex juga. Jadi, sekarang ini sedang dirundingkan antara pihak kita dengan pihak kapal supaya dapat diadakan perhubungan telex antara kapal itu dengan pihak Kerajaan kita di sini, pihak kita di sini, supaya dapat berita-berita yang seumpama itu disampaikan lebih cepat dan lebih segera daripada masa-masa yang lalu. Sekian, terima kasih.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan dengan panjang lebar mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian saya. Walaupun banyak issue-issue yang telah disuarkan, saya hanya akan menyentuh beberapa perkara atau beberapa aspek sahaja.

Tuan Yang di Pertua, seorang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara cuti sekolah penggal ketiga yang sedang diikuti pada masa ini dan yang dikatakan terlalu panjang. Perkara ini, mengikut Ahli Yang Berhormat itu telah membawakan masalah-masalah dan membuatkan kanak-kanak sekolah kita menjadi malas. Dalam membuat peraturan bagi cuti-cuti penggal tiap-tiap tahun, Kementerian saya terpaksa mengambil kira beberapa perkara. Seperti mana Ahli Yang Berhormat maklum, dalam penggal yang ketiga, iaitu di antara bulan Oktober dan bulan Disember, ada tiga peperiksaan yang penting, iaitu Peperiksaan SRP/LCE, SPM/MCE dan STP/HSC. Sebelum dikuatkuasakan cuti penggal ketiga, peperiksaan-peperiksaan tersebut, khususnya Peperiksaan SPM/MCE dan Peperiksaan STP/HSC bermula sebelum sekolah bercuti lagi. Untuk menjalankan peperiksaan-peperiksaan itu beberapa banyak bilik darjah dan dewan-dewan sekolah digunakan sebagai Pusat-pusat Peperiksaan. Beberapa ramai pula guru-guru besar, guru-guru yang lain juga dilantik menjadi Ketua-ketua Pengawas dan pengawas-pengawas supaya peperiksaan-peperiksaan itu terkawal dan berjalan dengan

sempurna. Pada masa dijalankan peperiksaan murid-murid lain yang tidak terlibat tidaklah diperlukan hadir sama di sekolah-sekolah kerana mereka akan mengganggu perjalanan peperiksaan itu.

Di samping itu juga guru-guru yang berkehendakkan kelulusan akademik memasuki peperiksaan pada masa cuti sekolah dan cara ini tidaklah mengganggu pelajaran murid-murid di sekolah. Oleh sebab perkara-perkara yang di atas, Lembaga Peperiksaan Kementerian saya telah mengatur supaya cuti panjang di hujung tahun itu digunakan untuk peperiksaan-peperiksaan sekolah yang sangat penting tanpa apa-apa gangguan kepada pelajaran murid-murid dan perjalanan di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada perkara peperiksaan itu, masa cuti penggal ketiga juga digunakan oleh Kementerian ini untuk mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru yang sedang berkhidmat untuk meninggikan lagi taraf iktisad guru-guru tersebut demi memperbaiki keadaan mengajar mereka. Umpamanya, di dalam cuti penggal ketiga di hujung tahun lalu tidak kurang daripada 20 macam kursus dalam perkhidmatan telah diadakan di berbagai-bagai Pusat Latihan Perguruan dan Pusat-pusat yang lain, yang telah melibatkan sebilangan besar guru-guru. Kursus seperti yang tersebut akan terus dijalankan untuk beberapa masa yang akan datang dan sekiranya tindakan yang tergopoh-gapah diambil untuk meminda peraturan cuti yang ada pada masa ini, maka sudah tentulah rancangan kursus-kursus tersebut akan tergendala. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di Pertua, saya suka menyebutkan di sini bahawa Kementerian Pelajaran sedang mengkaji perkara cuti sekolah ini.

Tuan Yang di Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara-perkara kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah, terutama sekali di dalam bidang sains dan ilmu hisab. Yang sebenarnya perkara ini telah beberapa kali dijelaskan oleh Kementerian saya. Walaupun demikian, saya suka sekali lagi menerangkan di sini bahawa Kementerian Pelajaran adalah sedar mengenai kekurangan guru-guru tersebut dan telahpun mengambil langkah-langkah tersusun untuk mengatasi kekurangan itu. Di antara langkah-langkah jangka panjang yang telah diambil oleh Kementerian saya termasuklah

sempurna. Pada masa dijalankan peperiksaan murid-murid lain yang tidak terlibat tidaklah diperlukan hadir sama di sekolah-sekolah kerana mereka akan mengganggu perjalanan peperiksaan itu.

Di samping itu, untuk menampung murid-murid yang besar jumlahnya, Kementerian saya telah menambahkan bilangan kelas-kelas sains di Tingkatan IV, Tingkatan V dan juga Tingkatan VI. Bilangan murid-murid telahpun ditambah secara beransur-ansur dari sekolah-sekolah vokesyenal dan teknik. Selain daripada penambahan kelas-kelas, Kementerian saya sedang membina 10 buah Sekolah Menengah Sains, 10 buah Sekolah Menengah Vokesyenal dan 6 buah Sekolah Menengah Teknik.

Melalui rancangan-rancangan ini adalah diharapkan lebih ramai lagi kanak-kanak sekolah dapat mengikuti pelajaran sains, hisab dan teknik dengan lebih sempurna lagi lebih dan ramai daripada mereka akan dapat melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang-bidang ini di Pusat-pusat Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di Pertua, untuk menentukan murid-murid yang pendidikannya berasaskan kepada sains dan teknologi dapat melanjutkan pelajarannya, yayasan-yayasan seperti Institut Teknologi Kebangsaan, Maktab Pertanian Serdang, yang dipanggil dengan nama sekarang Universiti Pertanian dan Universiti Malaya telah menambahkan tempat-tempatnya. Yayasan baharu seperti Politeknik Ungku Omar, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan untuk menimbangkan keperluan dalam bidang ini. Di beberapa buah yayasan ini ijazah-ijazah sains dan pendidikan telah dimulakan dengan tujuan untuk menambah bilangan guru-guru siswazah sains, ilmu hisab dan teknologi. Usaha ini akan dilipatgandakan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Di samping langkah-langkah yang telah saya sebutkan tadi, Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya juga telah mengambil langkah-langkah jangka pendek. Di antara langkah-langkah tersebut termasuklah menawarkan biasiswa persekutuan kepada penuntut-penuntut dan guru-guru yang sedang berkhidmat untuk mengikuti kursus Sains dan Ilmu Hisab di Yayasan Pelajaran Tinggi Tempatan dan di luar negeri. Di samping itu sebilangan siswazah-siswazah sains dan ilmu hisab yang tidak mendapat tempat di Fakulti

Pendidikan Universiti Malaya telah diambil dan diberi kursus pendidikan oleh Kementerian saya. Dengan langkah-langkah yang telah diambil ini Kementerian saya berharap dalam tidak berapa lama lagi akan dapat memenuhi segala keperluan guru-guru, terutama di dalam bidang sains dan ilmu hisab bagi sekolah-sekolah kita.

Tuan Yang di Pertua, seorang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan fasal pelajaran sex atau sex education. Sebenarnya Kementerian saya tidak bercadang mengadakan pelajaran sex atau sex education ini di dalam sekolah-sekolah kita kerana ianya adalah tidak sesuai dengan keadaan masyarakat negara kita ini.

Tuan Yang di Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perkara buku-buku teks. Di antara masaalah-masaalah yang telah disentuh itu termasuklah masaalah penyamaan buku-buku teks, kekurangan buku-buku teks, pertukaran buku-buku teks pada tiap-tiap tahun, pengawalan harga buku-buku teks, pengeluaran senarai buku-buku teks dan buku-buku teks yang menggunakan ejaan baharu. Saya akan menyentuh secara ringkas pendapat-pendapat mengenai buku-buku teks ini memandangkan bahawa ianya telah menimbulkan minat yang begitu hangat di kalangan Ahli-ahli Dewan ini.

Berkenaan dengan penyamaan buku-buku teks, perkara ini adalah dalam kajian Kementerian saya. Berkenaan dengan pendapat bahawa buku-buku teks kerap kali ditukarkan pada tiap-tiap tahun, sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya telah menetapkan tempoh penggunaan sesebuah buku teks, sekurang-kurangnya 3 tahun. Mengenai kawalan harga buku-buku teks yang sebagaimana telah diumumkan oleh Kementerian saya dialog telah diadakan dengan Persatuan Penerbit Malaysia dan juga Persatuan Penjual Buku-buku Malaysia untuk mengawal harga buku-buku teks. Kedua-dua persatuan tersebut telah bersetuju dengan Kementerian saya untuk menentukan harga-harga buku teks sekolah yang berpatutan. Perbincangan ini akan terus diadakan dari semasa kesemasa supaya harga buku teks sekolah itu berpatutan seperti yang biasa.

Tuan Yang di Pertua, ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara membanyakkan lagi yayasan

pelajaran vokesyenal. Dalam perkara ini adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengadakan satu sistem pelajaran yang seimbang antara pelajaran akademik biasa dan juga pelajaran teknik dan vokesyenal dan memenuhi keperluan tenaga yang terlatih yang sentiasa bertambah. Dalam usaha ini satu sistem aneka jurusan telah dimulakan dalam tahun 1965 di peringkat Sekolah Menengah Rendah. Untuk menentukan murid-murid dari semua sekolah menengah rendah mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran vokesyenal selain daripada mata pelajaran am. Mata pelajaran pilihan praktik ini bertujuan membiaskan murid-murid dalam salah satu lapangan, samada lapangan seni perusahaan, pengajian perdagangan, sains pertanian ataupun sains rumah-tangga.

Saya telah berkata beberapakali mengenai perkara penubuhan sekolah-sekolah menengah vokesyenal di bawah kedua-dua rancangan iaitu Rancangan Malaysia Yang Pertama dan juga Rancangan Malaysia Yang Kedua. Di bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama 6 buah sekolah menengah vokesyenal iaitu di Kuala Lumpur, Seremban, Muar, Alor Star, Kuala Trengganu dan Kangar telah dibina. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kedua pula 4 buah lagi sekolah menengah vokesyenal iaitu di Taiping, Kelang, Kluang dan Temerloh telahpun diluluskan. Apabila sekolah-sekolah ini siap kelak dijangka pada akhir Rancangan Malaysia Kedua seramai 14,000 orang pelajar-pelajar akan belajar di sekolah-sekolah menengah vokesyenal kita.

Sebagai lanjutan kepada tindakan ini usaha-usaha telahpun dibuat untuk memperbaiki lagi bidang pelajaran vokesyenal bagi membolehkan pelajar-pelajar kita yang lulus mendapat pekerjaan dengan mudah. Bagi pelajaran teknik di peringkat selepas sekolah menengah pula Kerajaan telah mengadakan Politeknik Ungku Omar di Ipoh dan Instituti Teknologi Kebangsaan yang antara lainnya melatih bakal juru-juruteknik gred biasa dan gred tertinggi. Selain daripada Politeknik Ungku Omar di Ipoh, Kementerian saya sedang merancang untuk membina sebuah lagi politeknik pada masa yang akan datang. Dengan ini, Tuan Yang di Pertua, jelaslah bahawa Kerajaan memang memandang berat terhadap pelajaran vokesyenal dan juga pelajaran teknik di negara kita ini.

Saya yakin sekiranya kemudahan-kemudahan yang telah disediakan itu tidak mencukupi pada peruntukan, maka peruntukan yang baharu akan dibuat dari semasa kesemasa untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih iaitu sesuai dengan keperluan-keperluan kita.

Mengenai pendapat bahawa kebanyakan daripada Yayasan Pelajaran Tinggi kita dipusatkan di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar sahaja, perkara ini adalah di dalam perhatian Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi di bawah Kementerian saya. Penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi yang akan datang akan dibuat setelah mendapat nasihat dari majlis tersebut. Sekianlah, Tuan Yang di Pertua.

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Tuan Yang di Pertua, saya merujuk kepada pandangan-pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir dalam mana beliau berkata bahawa Kerajaan sepatutnya mendirikan banyak lagi rumah-rumah kebajikan untuk orang-orang tua yang berkeperluan oleh kerana yaysasan-yayasan yang ada pada ketika ini mengikut dakwaan beliau adalah tidak mencukupi. Beliau juga berkata bahawa Kerajaan Persekutuan sepatutnya membantu Kerajaan Negeri dalam menyediakan buku-buku teks untuk kanak-kanak sekolah yang berkeperluan, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar di mana banyak kanak-kanak seperti itu tiada mempunyai cukup kemampuan untuk memenuhi perbelanjaan buku-buku teks.

Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir juga menyeru supaya Kerajaan Persekutuan sepatutnya membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menyediakan bantuan kewangan kepada keluarga-keluarga miskin, oleh kerana mengikut beliau keluarga-keluarga tersebut hanya menerima sebanyak \$5 sebulan untuk dua atau tiga bulan sahaja.

Tuan Yang di Pertua, kalau Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir ingat kembali kepada jawapan saya dalam Dewan yang berbahagia ini pada 13hb Februari lalu, saya telah menerangkan ada 8 buah yayasan seperti itu yang boleh menempatkan seramai 2,400 orang penghuni. Sementara itu ada 104 yayasan sukarela yang boleh menempatkan 3,400 orang penghuni. Ini bermakna bahawa setakat ini ada 112 buah untuk 5,800 orang

penghuni. Sebenarnya dalam yayasan-yayasan Kerajaan ini masih ada lagi terdapat tempat-tempat kosong. Di Pulau Pinang sahaja misalnya, ada terdapat 30 tempat-tempat kosong. Oleh itu, Tuan Yang di Pertua, keperluan untuk membina lebih banyak lagi Rumah Orang-orang Tua tidaklah sebegitu mendesak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir.

Tuan Yang di Pertua, ada juga terdapat ramai orang-orang tua yang enggan masuk tinggal dalam Rumah-rumah Orang-orang Tua ini dengan sebab-sebab tertentu. Untuk mereka seperti ini, saya telahpun mengujudkan satu skim baru mulai tahun ini dalam mana bantuan kewangan yang tiada melebihi \$30 sebulan akan diberikan kepada orang-orang tua yang tinggal di luar yayasan bersama-sama dengan keluarga-keluarga atau rakan-rakan mereka sendiri. Skim ini akan mengurangkan keperluan untuk membina Rumah Orang-orang Tua. Walau bagaimana pun, ada kemungkinan pada masa-masa yang akan datang bilangan yayasan-yayasan seperti ini akan ditambah lagi. Dalam hubungan ini juga, saya telah mengambil tindakan supaya badan-badan sukarela yang berkenaan menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan Rumah Orang-orang Tua itu dengan lebih cekap. Di peringkat ini saya fikir tak perlulah bagi saya memberi penerangan-penerangan yang lebih mendalam mengenai skim tersebut. Sekiranya Yang Berhormat Puan Dasimah ingin mengetahuinya dengan lebih lanjut lagi, silalah berhubung dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri yang berkenaan.

Mengenai bantuan buku-buku teks, saya telah seringkali menyatakan bahawa ini bukanlah tugas Kementerian ini, tetapi adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan ada juga memberi bantuan tersebut melalui Kementerian Pelajaran, MARA, Bahagian Pelaksanaan Penyelarasan Kemajuan Pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri, dan beberapa buah badan-badan sukarela dan badan-badan amanah yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab banyaknya agensi-agensi yang terlibat dalam memberi bantuan sekolah, maka Kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa untuk membereskan perkara ini.

Tuan Yang di Pertua, mengenai bantuan am yang disediakan oleh Kerajaan-kerajaan

Negeri untuk orang-orang yang memerlukan-nya, saya tidak menafikan bahawa pada satu ketika, di satu-dua buah Negeri memang ada berlaku satu keluarga menerima hanya \$5 sebulan, tetapi keadaan sekarang telah berubah. Kini Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun menambahkan peruntukan bantuan am dan hampir-hampir di semua Negeri-negeri bantuan yang diberi ialah serendah-rendah \$15 dan setinggi-tingginya \$75 sebulan. Jumlah diberikan adalah bergantung kepada keadaan keluarga itu dan juga atas kedudukan peruntukan Bantuan Am bagi Kerajaan Negeri itu. Di Pulau Pinang umpamanya, bantuan yang paling rendah ialah \$15 dan yang paling tinggi ialah \$40. Bantuan yang diberikan itu tidaklah terhad kepada tempuh selama tiga hingga enam bulan bahkan ada terdapat beberapa kes yang menerima bantuan terus-menerus sehingga sampai pada satu masa yang dianggapkan bahawa bantuan itu tidak diperlukan lagi. Kes-kes ini dikaji dari semasa ke semasa, untuk menentukan samada bantuan tersebut patut diberhentikan atau dilanjutkan lagi. Dalam hubungan ini, saya sukacita menyatakan program Bantuan Am telah diorientasikan ke arah pembangunan supaya penerima-penerima akan menjadi orang yang berdikari dan tidak semata-mata bergantung kepada Kerajaan.

Tuan Yang di Pertua, benarkan saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan tidaklah sekali-sekali hendak melepaskan tangan dan membiarkan rancangan ini sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri sahaja. Kementerian saya sendiri pada masa ini sedang mengkaji dan mempertimbangkan cara-cara dalam mana sekim ini boleh diperkukuh dan diperbaiki lagi. Sebagai tambahan kepada bantuan yang diberikan kepada keluarga-keluarga yang berkeperluan, Kementerian saya antara lain-lain rancangan, ada menguruskan satu sekim elaun keluarga untuk membantu kelompok-kelompok keluarga yang tertentu yang tidak mempunyai sara hidup yang cukup kerana bilangan besar anak-anak mereka itu. Jumlah bantuan yang di beri di bawah sekim ini ialah \$10 bagi tiap-tiap kanak-kanak serendah-rendahnya dan \$75 setinggi-tingginya bagi sekeluarga sebulan.

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Senator Chua Ching Cheng telah merayu supaya lebih banyak lagi peruntukan patut diberi dari semasa ke semasa kepada Kementerian Kebajikan Am untuk menjaga ahli-ahli masyarakat yang kurang bernasib baik. Saya

ucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat atas rayuannya ini. Sebenarnya, peruntukan Kementerian Kebajikan Am ada bertambah setahun demi setahun. Jika ahli Yang Berhormat itu membandingkan peruntukan Belanja Mengurus yang diberikan kepada Kementerian Kebajikan Am pada tahun ini dengan peruntukan tahun 1972 ternyata ada tambahan sebanyak 28%. Ini bermaknalah bahawa Kerajaan kita sudahpun menambahkan lagi peruntukan Kementerian Kebajikan Am dari setahun ke setahun sepertimana yang dirayukan oleh Yang Berhormat itu.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, izinkan saya untuk menjawab apa-apa teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri, dan selepas itu, saya akan memberikan jawapan-jawapan berkenaan dengan Kementerian Pertahanan pula.

Tuan Yang di Pertua, Senator Abdul Samad Osman nampaknya beliau tidak ada di sini, walau bagaimanapun terpaksa saya memberikan jawapan. Beliau telah menyatakan iaitu kelewatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menjawab surat-surat permohonan.

Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini adalah satu badan yang bebas dan urusan perlantikan orang-orang baru adalah semata-mata tanggungjawab Suruhanjaya itu sendiri. Mengikut fahaman saya tiap-tiap permohonan yang diterima itu kenalah dikaji dengan telitinya sebelum Suruhanjaya itu memberi apa-apa jawapan. Ini tentulah memakan masa sedikit. Apa yang dikatakan sebagai kelambatan bagi menjawab surat-surat itu mungkin menyentuh permohonan-permohonan yang agak sulit sedikit, pada fikiran saya yang mengandungi maklumat yang barangkali kurang jelas. Dan saya suka juga menimbulkan juga apa-apa yang mungkin tidak memuaskan hati Yang Berhormat mengenainya jikalau untuk menjawab dengan spesifik, saya berkehendakkan, jikalau ada contoh yang spesifik supaya jawapan saya boleh menjawabkan dengan spesifik juga. Jikalau dikatakan cara umum, mungkinlah tindakan yang sewajarnya tidak dapat boleh diambil, oleh sebab beliau tidak memberikan satu-satu perkara dengan terang.

Kelewatan ini, saya suka menyatakan, Tuan Yang di Pertua, dua hari mungkin tidak begitu lewat, jikalau ada sebab-sebabnya. 10 hari tidaklah lewat, jikalau ada sebab-sebabnya. 10 tahun pun, mungkin tidak lewat jikalau ada sebab-sebabnya. Tetapi satu minit akan menjadi kelewatan, jikalau tidak ada sebab-sebab yang begitu baik untuk diakui dan untuk diterima oleh semua kita di sini.

Maka dengan itu untuk menjawabkan dengan spesifik, saya terpaksa minta jikalau ada yang tidak puas hati di atas satu-satu perkara, di atas kelewatan, maka saya minta Yang Berhormat itu memberikan tauladan ataupun misal-misalnya yang telah berlaku dengan jelas dan tepat pada apa yang berlaku.

Tuan Yang di Pertua, Senator Wong Seng Chow telah menyentuh Dasar Ekonomi Baharu dan beliau telah minta Kerajaan memberikan penerangan yang luas lagi dan beliau juga telah mengatakan penggunaan orang-orang luar di dalam perancangan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baharu ini. Tuan Yang di Pertua, pada hemat saya yang mana Kerajaan pada masa sekarang ini sentiasa memberi penerangan yang seluas-luasnya kepada rakyat negara ini mengenai Dasar Ekonomi Baharu kita ini melalui alat-alat seranta yang ada, kursus-kursus dan seminar-seminar juga diadakan dari masa ke semasa di seluruh pelusuk negara yang kita memerlukan penerangan-penerangan supaya seluruh rakyat jelata memahami Dasar Baharu ini. Dan Kerajaan telah pun membuatkan penerangan ini supaya semua rakyat memahami Dasar Ekonomi Baharu.

Yang kedua, berkenaan dengan menggunakan orang-orang luar, bukan orang tempatan untuk melaksanakan satu-satu rancangan, dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baharu ini. Saya suka mengatakan, Tuan Yang di Pertua, bukanlah Dasar Kerajaan hendak menggunakan orang-orang luar dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua ini. Apa yang di dapati sekarang pakar-pakar dari luar negeri itu diguna dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Setakat yang perlu, dimana kita tidak dapat menggunakan tenaga rakyat kita sendiri ataupun tenaga itu kurang dari segi menjayakan projek-projek dan pembangunan kita. Sementara itu Kerajaan akan terus menghebatkan lagi rancangan melatih rakyat-rakyat negara ini sendiri supaya mereka yang

berkelayakan dan mempunyai pengalaman yang cukup dalam bidang-bidang pelaksanaan rancangan pembangunan kita.

Saya suka juga menarik perhatian yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Senator Abdul Samad Osman iaitu menambah elaun-elaun untuk Ahli-ahli Dewan. Yang kedua, menghadiri Persidangan Parlimen Komanwel. Mungkin kita memerlukan juga pada satu masa ke satu masa memikirkan elaun-elaun ini ditimbang atau dinaikkan kalau mungkin elaun-elaun ini kita kurangkan jikalau keadaan memerlukan. Saya suka mengatakan pada masa ini Kerajaan belum ada apa-apa cadangan hendak menambahkan elaun Ahli-ahli Parlimen. Bagaimanapun, cadangan itu akan dikaji.

Beban kerja dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen sudah pasti akan diperhitungkan sesuai dengan kedudukan taraf Ahli-ahli Parlimen semua.

Tuan Yang di Pertua, apa yang saya sebut tadi bersabit dengan pemilihan Ahli-ahli Parlimen menghadiri Persidangan Parlimen. Saya suka mengatakan pemilihan Ahli-ahli Parlimen untuk menghadiri Persidangan Parlimen Komanwel itu bergantung kepada beberapa perkara yang patut ditimbangan. Bukanlah semata-mata tempuh lamanya seseorang itu menjadi Ahli Dewan. Seberapa yang praktikal semua Ahli-ahli akan diberikan peluang.

Tuan Yang di Pertua, izinkan saya menjawab teguran-teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator bersabit dengan Kementerian Pertahanan. Yang Berhormat Senator Ibrahim Haji Yaacob telah mengatakan soal pencen bekas anggota tentera yang bersara sebelum pada 1hb Ogos, 1968. Kerana orang-orang yang bersara lepas daripada 1hb Ogos, 1968 mungkin akan dikenakan di bawah Sekim Baharu, yang Senator Yang Berhormat sekarang ini sedia maklum, mengikut lapuran Jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah, maka beliau itu telah menyentuhkan yang mana tentera-tentera yang telah bersara sebelum 1hb Ogos, 1968 ini dan juga kepada yang tidak bersangkutan iaitu oleh sebab Lapuran Tan Sri Sheikh Abdullah ini hanya berkuatkuasakan tahun 1972 ini, tetapi ada juga yang mana peningkatan dan kenaikan taraf gaji pencen telahpun dibuat lebihkurang pada tahun 1968 juga, tetapi tidak memuaskan kata Senator Ibrahim dan perlu juga Kerajaan menimbang. Saya suka menjawab, Tuan

Yang di Pertua, Kerajaan telah pun menuhkan satu Jawatankuasa untuk mengulang-kaji pencen-pencen dan lain-lain faedah persaraan kakitangan awam yang telah bersara. Sebelum pelaksanaan laporan Suruhanjaya Suffian, sebaik sahaja perakuan-perakuan Jawatankuasa itu diumumkan kelak pihak Kementerian Pertahanan akan mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk memanjangkan perakuan-perakuan itu dimana yang dapat kepada bekas-bekas anggota kita yang bersara sebelum 1hb Ogos, 1968.

Yang Berhormat Senator Wong Seng Chow juga telah membuat teguran iaitu soal mengenai warganegara Malaysia yang berkhidmat dalam angkatan tentera negara asing dan mengesyorkan agar mereka itu yang sesuai dan layak diterima masuk berkhidmat dalam angkatan tentera kita di Malaysia. Adalah menjadi dasar Kerajaan Kementerian Pertahanan, Tuan Yang di Pertua, iaitu mana-mana warganegara Malaysia, sungguhpun berkhidmat di dalam warganegara lain, angkatan tentera negara asing, bolehlah memohon masuk menjadi ahli anggota tentera berkhidmat dalam tentera Malaysia. Jika mereka itu membuat permohonan dan memenuhi semua syarat-syarat, kita boleh timbangkan dan kelayakan yang diperlukan juga akan ditimbangkan termasuklah umur mereka. Ini telah menjadi dasar dan telahpun dilaksanakan.

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Senator Yap Kheng Yam ada juga membawakan teguran di atas gantirugi dan bantuan kepada penduduk-penduduk terlibat dalam pengambilan tanah untuk projek Pengkalan Tentera Laut di Lumut.

Tuan Yang di Pertua, adalah menjadi aturan dan dasar Kerajaan jikalau ada satu-satu tanah yang akan diambil balik oleh Kerajaan untuk satu-satu perkara, Kerajaan akan memberikan gantirugi ataupun bantuan-bantuan kewangan yang sewajarnya mengikut harga pasaran. Ini telah terjamin dan mengikut apa yang ada di dalam Perlembagaan mengatakan iaitu sudah mengikut pasaran yang tidak rugi, jikalau diambil atau dibeli oleh orang-orang yang lain, rakyat-rakyat yang lain. Dan mengikut apa yang ada sekarang, Tuan Yang di Pertua, undang-undang ini adalah dikuatkuasakan

iaitu Land Acquisition Act yang telah diadakan dan bayaran-bayaran itu adalah mengikut kadar undang-undang itu. Jikalau siapa yang tidak puas hati di atas kadar pembayaran oleh Kerajaan ini, maka jalan-jalan untuk merayu adalah disalurkan mengikut undang-undang itu iaitu buat rayuan kepada pihak yang berkenaan di mahkamah dan sebagainya. Disamping itu, saya yakin, Tuan Yang di Pertua, penduduk-penduduk di Lumut amnya akan mendapat faedah yang besar dari segi ekonomi hasil daripada projek itu dan ini termasuklah seperti peluang pekerjaan dan sebagainya.

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim juga telah menegur dengan bersabit dengan kem-kem tentera di Perlis. Beliau telah mengatakan iaitu kem-kem tentera di Perlis dekat sempadan Malaysia/Thai yang mana menurut beliau tidak sesuai dan perlu digantikan dengan barek-barek yang lebih menasabah rupanya supaya anggota-anggota tentera yang dihantar bertugas disitu dapat bawa anak-isteri mereka bersama-sama apabila bertukar.

Tuan Yang di Pertua, saya suka menjawab hal ini di dalam cara peraturan membuat satu-satu operasi, angkatan tentera mestilah ada kem-kem yang dipanggilkan operational base ataupun tempat berhenti yang mana saya rasa memanglah sukar jikalau anak-isteri ada bersama-sama di dalam hutan di operational base ini, kerana tempat ini mungkin tidak sesuai untuk anak isteri bersama-sama dengan mereka. Mungkin merbahaya. Tempat dan kemudahan-kemudahan kedudukan pun mungkin tidak ada yang dapat diberikan oleh pihak Kerajaan yang berkuasa. Maka tempat-tempat inilah yang mana pada hemat saya yang mana base-base ini tidak diperlukan membuat permanent base dan tidak memerlukan membuat permanent building and barracks dan sebagainya.

Kem-kem yang semacam ini akan ditinggalkan apabila keperluan dari segi operasi tidak diwujudkan lagi. Demikian juga dengan anggota-anggota tentera yang ditempatkan dia itu. Mereka ini dihantar untuk menjalankan tugas-tugas gerakan bergeler-geler untuk tempuh-tempuh yang tertentu. Dalam menjalankan tugas seperti ini, angkatan tentera tidak digalakkan membawa keluarga mereka, oleh itu soal membina barrack-barrack yang baharu tidaklah timbul.

Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim juga telah menyentuh dan menimbulkan soal supaya Tentera Laut di Raja yang mana negara kita ini boleh dikatakan sebahagian besar dikelilingi oleh lautan-lautan, dan berkehendakkan kapal selam dibeli juga untuk kegunaan kita menagakan kedaulatan negara kita dan juga kemerdekaan negara kita. Bagi saya, saya mengucapkan terima kasih kepada beliau yang bersimpati iaitu kelengkapan Angkatan Tentera kita patut diperkembangkan lagi.

Kita memang mengambil ingatan, Tuan Yang di Pertua, kerana ada juga sungutan-sungutan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengatakan Kementerian Pertahanan ini ada membelanjakan sangat banyak, kerana kita juga memikirkan keperluan untuk membesarkan ataupun menaikkan taraf hidup ekonomi dari segi development dan kemajuan negara kita juga.

Pada diri saya, saya suka sangatlah hendak membeli kelengkapan-kelengkapan ataupun kapal-kapal yang begitu sophisticated. Tetapi ada juga pantun yang mengatakan niat di hati hendak pelok gunung, tetapi apa boleh buat tangan tidak sampai. Jadi saya rasa sesuaiilah saya menyentuh setakat itu untuk menjawab, tetapi sambil menyebut atau mengatakan pantun itu iaitu di dalam kita hendak menjalankan satu-satu rancangan kita kena mengambil masa, baik dari segi pembelian ataupun order satu-satu alatan yang begitu sophisticated mengambil masa. Bukanlah sebab alatan-alatan tetapi juga segi personnel dan anggota-anggota yang akan menjalankan pelaksanaan kelengkapan-kelengkapan ataupun alatan-alatan ini akan mesti diberikan latihan-latihan yang sewajarnya. Dan ditimbangkan dari sudut itu, maka mungkinlah kita mengambil masa dari segi kita hendak melengkapkan angkatan tentera kita dengan satu kelengkapan yang begitu baik dan begitu moden jika dibandingkan dengan negara-negara yang lebih moden lagi.

Jadi dalam melaksanakan maksud ini Kerajaan mempunyai rancangan yang tertentu yang tersusun berdasarkan atas keutamaan-keutamaan (priority) yang tertentu mengikut kehendak-kehendak masa dan keadaan.

Tuan Yang di Pertua, itulah secara ringkas jawapan saya. Jika ada apa-apa perkara yang lain yang mungkin saya tidak terjawab, saya mengambil perhatian di atas teguran-teguran

itu samada Kementerian Pertahanan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Luar Negeri.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator-senator dalam membahaskan Budget pada kali ini yang menyentuh perkara-perkara yang berkenaan di bawah Kementerian saya. Saya hanya akan menjawabkan dengan secara specificnya teguran-teguran daripada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama sekali saya ingin menyentuh teguran-teguran daripada Yang Berhormat Tok Pangku Pandak Hamid yang telah mengadu betapa lamanya permohonan-permohonan hendak mendaftar baharu bagi tokok besi di negeri Perak.

Sebenarnya pendaftaran baharu bagi tokok besi ataupun marking hammer di Perak telah dibekukan dan yang berseorangan dijadikan hak bersyarikat bagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Hutan Negeri Perak dan diluluskan oleh EXCO negeri itu.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Saya minta peruntukan perhutanan.

Tuan Yang di Pertua: Ahli Yang Berhormat ini minta peruntukan perhutanan.

Datuk Haji Abdul Ta'ib bin Mahmud: Kalau itu, Tuan Yang di Pertua, saya memanglah ingin hendak menjelaskan di sini bahawa permohonan untuk perhutanan bukanlah terjatuh di bawah Kementerian saya. Ini adalah hak milik Kerajaan masing-masing dan mestilah ditimbangkan oleh EXCO masing-masing negeri.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di Pertua, apa yang saya tidak puas hati ialah sudah puas saya merayu di sana, kami memohonkan tempat perhutanan itu, tetapi tidak berjaya. Dengan sebab itu, saya minta jasa baiknya di sini.

Tuan Yang di Pertua: Yang Berhormat Menteri beritahu iaitu tanah adalah hak Negeri. Jadi Yang Berhormat itu tidak berkuasa atas perkara ini.

Datuk Haji Abdul Ta'ib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, inilah cara kita hidup di dalam Perlembagaan Federal dan saya sendiri mestilah patuh dengan keadaan itu dan saya haraplah Ahli Yang Berhormat itu dapat membangkitkan soal ini terus kepada Kerajaan Negeri.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, saya ingin memberi penjelasan mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Samad bin Osman. Beliau telah mengesyurkan supaya Kerajaan mengambil berat tentang setiap ekar kayu-kayan yang ditebang dan mengambil langkah yang positif supaya kayu-kayan itu dapat ditanam semula. Pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Senator itu memanglah mendapat sokongan daripada saya. Memanglah menjadi dasar asas Kerajaan kita hendak menggalakkan supaya hasil negara kita digunakan dengan secara secermat-cermatnya dan langkah-langkah sedanglah disusun pada sekarang ini untuk mencapai tujuan itu.

Penanaman semula kayu ialah tanggungjawab, lagi sekali saya cakapkan, Kerajaan negeri yang berkenaan kerana mereka mempunyai hutan itu. Kerajaan Pusat adalah cuma memberi nasihat kepada Kerajaan kerajaan negeri berkenaan dengan rancangan penanaman semula.

Pada masa sekarang ini, Kerajaan Pusat sedang menjalankan kajian di bawah rancangan pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDF). Projek Pembangunan Perindustrian Hutan (FIDP) yang akan meliputi rancangan keseluruhannya untuk mengadakan pengurusan yang cekap dan menanam semula hutan berasas kepada keperluan negara. Baharu-baharu ini satu keputusan telahpun diambil menerusi Majlis Hutan Negara supaya masing-masing Kerajaan Negeri akan cuba hendak mengadakan satu tabung yang boleh mengadakan wang untuk menagakan hutan-hutan negeri kita termasuk soal penanaman semula hutan yang ada sekarang ini.

Masing-masing Negeri telahpun digalakkan supaya mengenakan \$1.00 setan atas tiap-tiap kavu yang dikeluarkan daripada hutan, seterusnya kepada sesebuah negeri itu untuk melaksanakannya sekini ini. Saya percaya banyak negeri yang sudah setuju hendak menjalankan rancangan membuat ujian untuk reafforestation atau menanam semula hutan-hutan ini.

Ahli Yang Berhormat Tuan Abdul Samad juga telah menimbulkan soal penyelidikan atas bahan-bahan terakhir daripada kelapa sawit. Berkenaan soal itu Kerajaan memanglah sedar yang penyelidikan seperti itu adalah perlu sekali dan sekarang ini telahpun dimulai dan sedang dijalankan oleh MARDI dan Kerajaan juga akan membuat penyelidikan-penyelidikan selanjutnya di dalam hal ini kelak.

Yang Berhormat Tuan Abdul Samad juga telah menegur dasar Kerajaan memilih seorang MCS sebagai Pengerusi RISDA dan bukan seorang ahli sains atau technical man yang mahir dengan penanaman. Perlantikan seorang pegawai oleh Kerajaan sebagai Pengerusi badan-badan berkanun adalah berdasarkan kepada kebolehan dan pengalaman seseorang pegawai itu dan juga kepada bentuk pekerjaan yang akan dijalankan. Berasaskan kepada dasar ini, maka Encik Abdullah bin Abdul Kadir seorang Pegawai MCS telahpun dilantik sebagai Pengerusi RISDA. Beliau telahpun pada masa yang lepas mewakili Kerajaan di dalam beberapa badan-badan berkanun mengenai soal getah seperti Pusat Penyelidikan Getah Malaysia, Lembaga Kumpulan Wang Getah dan juga Lembaga Perusahaan Getah Tanaman Semula yang baharu diganti oleh RISDA. Beliau pernah mengetuai rombongan Malaysia ke persidangan-persidangan antarabangsa berkaitan dengan getah seperti Kumpulan Pengkajian Getah Antarabangsa, Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (UNCTAD) dan lain-lainnya. Saya rasa, beliau adalah seorang pegawai yang cukup mempunyai pengalaman mengenai getah dan telahpun mendapat pengiktirafan daripada rakan-rakan beliau sebagai pegawai yang boleh menjalankan kerja mengenai getah yang saya telah lantik beliau itu. Beliau telah dibantu oleh ahli-ahli RISDA yang mengandungi pakar-pakar pertanian seperti Pengarah MARDI, Naib Chancellor Universiti Pertanian dan Pengarah Pusat Penyelidikan Getah Malaysia di dalam hal ehwal tanaman. Di samping itu pula pegawai-pegawai RISDA adalah berkelulusan Bachelor of Science dan Diploma Pertanian di Serdang. Untuk memimpin pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman teknikal yang berbagai-bagai rupa ini kita berkehendakkan orang yang mempunyai pengalaman awam yang cukup

luas tentang hal getah dan boleh menyelaraskan beberapa jenis tanggungan yang terkandung dalam RISDA itu dengan cara licin, pendek kata kita berkehendakkan kepada seorang pentadbir (administrator) yang bagus.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya ingin menjawab teguran daripada Yang Berhormat Encik Shaari Jusoh. Beliau telah membangkitkan mengenai kilang untuk negeri Perlis telah dibangkitkan di dalam Dewan ini dalam bulan Ogos tetapi tidak ada tindakan diambil oleh saya mengenainya. Sebenarnya perkara ini tidaklah betul, Tuan Yang di Pertua, kerana timbangan telah diberi dengan sedalam-dalamnya dan langkah telahpun dimulai.

Untuk pengetahuan Dewan ini, pada masa sekarang ada terdapat tiga buah Penyeliaan Getah Berkelompok (GPC) di Alor Tampang, di Bukit Manik dan Kampong Tok Kaya Man. Pusat-pusat tersebut memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil di dalam kawasan kiranya 260 ekar. Menurut kajian yang dibuat selepas saya berucap di Dewan ini pada bulan Ogos yang lepas cuma dua buah lagi Pusat Penyeliaan Getah Berkelompok boleh dibuat di sana, kalau langkah-langkah yang lain tidak diambil. Akan tetapi selepas menimbang apa yang baik untuk pekebun-pekebun kecil di sana, saya tidak mahu mendirikan dua buah Pusat Penyeliaan Getah Berkelompok ini, tetapi ingin hendak meliputi semua kawasan-kawasan pekebun kecil ini dengan sebuah kilang yang cukup besar—kilang penapis yang bertempat di Alor Setar. Kilang-kilang ini mulai berjalan di dalam bulan Disember, 1973 ini. Pendek kata semua pekebun-pekebun kecil di negeri Perlis dan juga negeri Kedah akan mendapat faedah dengan berjalannya kilang GPC ini dan akan boleh menyediakan getah mereka bukan sahaja sebagai getah sheet tetapi getah heveacrumb.

Keputusan memproses getah ini menerusi sebuah kilang Alor Star telahpun berasaskan kepada pertimbangan yang cukup teliti dan telahpun dibuat kerana kita ingin hendak melihatkan supaya getah-getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil ini dibuat menjadi heveacrumb rubber iaitu jenis getah yang akan lebih senang dijual pada masa yang akan datang. Misalnya faktor-faktor lain telahpun memberi saya kepercayaan bahawa keputusan ini adalah betul. Di negeri Perlis ada 9,300 ekar sahaja kebun

yang dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil dan kalau dikira jumlah kebun-kebun ini hanya memberi 210 tan satu tahun ataupun $\frac{1}{2}$ tan satu hari. Jadi bagi saya hendak meletakkan sebuah factory MRDC ataupun factory yang besar di negeri Perlis tidaklah menjadi ekonomik kerana sebuah MRDC factory itu berkehendakkan sekurang-kurangnya yang paling kecil 7 tan satu hari untuk memberi cukup keuntungan ataupun untuk memberi perbelanjaan hari-hari.

Saya fikir eloklah bagi kita hendak memodenkan pekebun-pekebun kecil di sana meliputi kawasan-kawasan mereka dengan perkhidmatan daripada kilang MRDC di Alor Star itu.

Itulah sahaja jawapan saya, Tuan Yang di Pertua, dan dengan itu, saya mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi menegur dan memberi cadangan yang baik.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, saya bangun bagi menjawab teguran-teguran Ahli Yang Berhormat atas Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Kementerian saya sendiri.

Selepas saya menjawab teguran-teguran yang dibuat Ahli-ahli Yang Berhormat, baharulah diakhiri dengan ucapan mengulung perbincangan dari Timbalan Menteri, Menteri Kewangan kelak. Saya nampak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ataupun Setiausaha Parlimennya, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah pun tidak ada di sini untuk menjawab teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat sahabat saya Tok Pangku Pandak Hamid yang jarang-jarang kita mendengar dia berucap dengan panjang lebar di Dewan ini. Kita dengan rasa hati pilu mendengarkan ucapan yang begitu ikhlas, saya rasa, tidak patutlah kalau tidak dijawab seorang dua pun. Bagi seorang ahli Jemaah Menteri, saya mengaku di sini kepada Yang Berhormat Tok Pangku Pandak Hamid yang mewakili Orang-orang Asli kerana orang Asli itu adalah di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu segala teguran-teguran dan ucapan-ucapan yang mengenai kesusahan yang dialami oleh Orang-orang Asli adalah dicatatkan dan saya berharap pegawai-pegawai Kerajaan yang ada dari Kementerian itu, saya percaya ada

di situ, akan mencatit segala teguran-tuguran itu dan membawa teguran itu kepada Kementerian yang berkenaan ataupun kepada Kerajaan negeri Perak kerana disebutkannya perkara itu berlaku di negeri Perak supaya timbangan yang sewajar dapat diambil atas teguran-tegurannya berkenaan dengan kesudahan Orang-orang Asli bagi mendapatkan tempat tanah untuk tanaman, bantuan dan juga katanya hendak mendapat kebenaran untuk menebang kayu, membalak dan lain-lain, (*Tepuk*).

Tuan Yang di Pertua, saya tidaklah dapat menjawab semuanya, tetapi walau bagaimanapun saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran dalam ketiga-tiga Kementerian yang saya sebutkan tadi.

Yang pertama, ialah bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat iaitu mengenai masaalah-masaalah pekerja-pekerja ladang yang dibangkitkan oleh Senator Ibrahim bin Haji Yaacob. Soal yang dibangkitkan itu memang diberi perhatian berat oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telahpun mengadakan satu mesyuarat dengan pengusaha ladang-ladang dan lombong-lombong pada 15hb Februari, 1973 dan di mesyuarat itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menubuhkan sebuah task force untuk mengkaji segala masaalah pekerja-pekerja ladang dan lombong dan task force itu akan mengemukakan syor-syor bagi mengatasi masaalah-masaalah itu.

Mengenai masaalah pekerja perempuan yang bekerja malam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid, masaalah itu tidak timbul kerana pekerja-pekerja perempuan itu tidak selalunya bekerja malam. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat memang sentiasa menjaga dan mengkaji perkara itu dan jika ada masaalah sosial yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu berlaku, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan tetap mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di Pertua, saya berpaling kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Yang pertamanya, ialah teguran Yang Berhormat Dr Mahathir bin Mohamed meminta Kementerian Perdagangan dan Per-

industrian menyatakan samada Kerajaan akan mengimport gula sendiri atau akan memberi kuasa kepada pedagang-pedagang untuk mengimportnya dan, jika ya, syarikat manakah yang patut diberikan. Kerajaan tidak membenarkan mana-mana pihak mengimport gula pasir dari luar negeri, kerana pengeluaran kilang-kilang gula tempatan adalah mencukupi untuk menampung keperluan gula di dalam negeri ini. Kerajaan hanya membenarkan kilang-kilang tersebut mengimport gula mentah untuk digunakan di dalam membuat gula pasir. Bagaimanapun, jika Kerajaan mendapati bekalan gula yang ada tidak mencukupi, maka sebagai yang dilakukan di masa yang lepas, Kerajaan akan mengimport sendiri gula pasir luar negeri dan menyimpannya di dalam stock pile. Gula pasir tersebut akan dibahagikan-bahagikan ke pasaran tempatan melalui semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri atau selalu digelar SEDC. Dengan demikian soal ke syarikat manakah kuasa mengimport gula akan diberikan, tidaklah berbangkit.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Datuk Haji Nik Hassan meminta Kerajaan mengawal sendiri pengeluaran dan pembahagian gula di negeri ini dengan menubuhkan sebuah perbadanan gula negara, katanya, dan diberi kuasa untuk mengambil alih kedua-dua firma gula sekarang iaitu firma gula yang mengilang gula. Kerajaan adalah menyedari bahawa gula merupakan salah satu bahan makanan utama rakyat negeri itu. Kajian yang mendalam sekarang sedang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menubuhkan sebuah Lembaga Gula. Kerajaan percaya dengan tertubuhnya Lembaga ini kelak masaalah yang dihadapi akan dapat diselesaikan oleh Lembaga tersebut.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Datuk S. O. K. Ubaidulla supaya export makanan binatang ke luar negeri diharamkan. Saya suka menjelaskan, iaitu Kerajaan telahpun mengeluarkan arahan bagi melarang export bahan-bahan mentah yang digunakan dalam membuat makanan binatang seperti wheat pollard dan rice brand. Berkenaan dengan cadangan supaya Kerajaan menyekat pengexportan undang dan ikan, perkara ini adalah sentiasa dikaji oleh Kerajaan dan

sekiranya didapati pihak pengguna benar-benar menerima kesan yang buruk iaitu terpaksa membayar harga yang terlalu tinggi untuk mendapatkan barang-barang tersebut, maka lesen-lesen untuk mengexport tindakan dikeluarkan.

Pada pendapat saya dan pengalaman saya sendiri, yang susah sekarang kita hendak mendapatkan ialah udang yang besar kaki merah yang harganya kalau tidak salah \$4 tetapi kadang-kadang \$5 dan kita sedar iaitu masa ini Malaysia telah mengexportkan udang seperti itu ke luar negeri dan dengan sebab harganya cukup mahal yang disukai oleh orang Amerika dan Jepun dan mendapat lebih kurang wang lebih daripada \$50 juta export udang-udang. Itu yang ada kita dapat ialah udang-udang yang kecil atau udang gelah yang kurang laku di luar negeri. Itu rasa saya, pada pendapat sayalah, kalau tidak ada udang yang begitu baik sekalipun banyak lagi boleh diganti daripada udang, ikan, daging dan lain-lain. Kita berkehendakan juga foreign exchange atau wang yang begitu banyak, tetapi belum ada rungutan yang sangat besar berkenaan dengan tidak dapat hendak makan udang besar merah itu.

Tuan Yang di Pertua, lagi satu teguran daripada Datuk S. O. K. Ubaidulla berkenaan dengan syarikat-syarikat yang didaftarkan di United Kingdom yang mengawal aktiviti-aktiviti perniagaan bahan-bahan utama negeri ini seperti getah dan bijih timah. Sukalah saya menjelaskan di Dewan ini iaitu Kerajaan adalah memandang berat terhadap perkara itu. Sebuah Jawatankuasa peringkat tinggi telahpun dibentuk untuk mengkaji masalah ini, masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, dengan lebih teliti lagi dan mengemukakan laporan itu kelak mengenai perkara yang sama dalam sedikit masa lagi pada Kerajaan untuk ditimbangan.

Berkenaan dengan tegoran Yang Berhormat itu iaitu 80% katanya daripada pelancung-pelancung yang datang ke negeri ini pada tahun 1971 itu adalah terdiri daripada mereka yang datang daripada negeri Asia. Sukalah saya membetulkan iaitu sebenarnya jumlah 80% itu bukanlah daripada semua negeri Asia, tetapi adalah daripada negeri ASEAN yang mana 75% daripadanya adalah yang datang daripada Singapura melalui jalan keretapi dan jalan raya. Kerajaan telah

menubuhkan Perbadanan Kemajuan Pelancungan sebagai satu langkah secara langsung untuk memajukan perusahaan pelancungan di negeri ini.

Berkenaan dengan kerjasama yang disyorkan oleh Yang Berhormat itu di antara Perbadanan Kemajuan Pelancung dengan sektor swasta untuk menarik pelancung-pelancung dari semua peringkat di dunia ini, saya sukalah menjelaskan iaitu kerjasama yang dimaksudkan itu telahpun dijelaskan, malahan wakil-wakil daripada sector swasta telahpun dilantik oleh Kerajaan untuk menduduki di dalam Majlis Perbadanan itu.

Usaha-usaha galakan pelancungan yang lebih aktif telah dijalankan oleh perbadanan tersebut mulai daripada tahun 1973 ini, dalam usaha untuk menarik lebih ramai lagi pelancung daripada barat ke negara ini. Perbadanan Kemajuan Pelancungan telah menyertai pameran-pameran di London, di Utrecht iaitu negeri Belanda dan juga di Los Angeles untuk menjual nama Malaysia kepada penduduk-penduduk di negara-negara tersebut.

Yang Berhormat Datuk Mansur bin Mohamed telah menimbulkan masalah yang dihadapi oleh pembatik-pembatik bumiputra akibat daripada ujudnya perusahaan membuat batik tiruan dan juga lain-lain kesulitan yang dihadapi untuk mendapatkan bahan-bahan mentah, seperti kain putih dan lain-lain, dan juga saya percaya ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain membawa perkara itu ke Dewan ini. Kerajaan adalah memandang berat atas perkara ini dan sebuah badan petugas ataupun task force telahpun dibentuk dan membuat laporan kepada Kerajaan mengenai langkah-langkah yang perlu mesti diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi itu. Salah satu perakuan badan petugas tersebut ialah supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Lembaga Barang-barang Pertukangan Tangan atau Handicraft Board. Apabila ditubuhkan kelak Lembaga ini akan bertanggungjawab untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi oleh pembatik-pembatik bumiputra di negeri ini.

Tuan Yang di Pertua, saya berpaling pula kepada tegoran Yang Berhormat Senator Haji Othman bin Abdullah yang menegur berkenaan dengan Jabatan Pencegah Rasuah atau Badan Pencegah Rasuah. Badan Pencegah Rasuah sebenarnya ialah pentadbirannya di bawah jagaan Timbalan Perdana

Menteri atau Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi dalam undang-undang Rasuah segala apa tindakan yang diambil untuk dibawa ke Mahkamah adalah dikehendaki daripada kebenaran atau consent daripada Pendakwa Raya iaitu Peguam Negara sendiri, daripada saya sendiri dan dengan demikian saya menjawab bagi kedua-dua pihak.

Dalam ucapan Yang Berhormat itu, pada 14hb Februari, 1973, telah menyatakan tidak puashatinya berkenaan dengan berbagai-bagai Jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Kerja Raya, Odit dan Jabatan Pencegah Rasuah. Dalam tegurannya ke atas Jabatan lain itu, Yang Berhormat tidak meminta ditukarkan ketuanya, akan tetapi apabila ia menyerang Jabatan Pencegah Rasuah, beliau telah meminta supaya Ketua Pengarah yang dahulu, yang disebutkan sebagai seorang Malaikat, yang bernama Harun Hashim dipanggil balik, katanya untuk bertugas sebagai Ketua Pengarah Badan itu. Dalam hal ini, Tuan Yang di Pertua, adalah amat mendukacitakan bahawa Ahli Yang Berhormat itu telah menyerang Ketua Pengarah yang ada sekarang.

Dalam persidangan Dewan Rakyat yang lepas pula seorang Ahli Pembangkang telah bercakap dengan nada yang sama dan telah meminta juga Ketua Pengarah yang dahulu dipanggil balik untuk menggantikan Ketua Pengarah yang ada sekarang. Saya tidak percaya beliau ada berjanji berdua. Dalam persidangan Dewan Rakyat pada 25hb Januari, 1973, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Encik Ali bin Haji Ahmad telah menjawab bagi pihak Kerajaan seperti berikut.

Tuan Yang di Pertua, izinkan saya membacanya kerana ucapannya itu dalam bahasa Inggeris:

(*Dengan izin*) "The Honourable Member for Batu Gajah in his reference to the Anti-Corruption Agency yesterday had praised the work of the former Head of the Agency and called upon the Government, to use his term, "to reinstate" him as the Head of the Agency. Mr Chairman Sir, I wish to clarify that the former head of the Agency had never been dismissed; so it is not necessary to reinstate him. He was in fact promoted to be a Judge. Therefore, the question of reinstatement does not arise. By implication, Mr Chairman, Sir, he

asked for the removal of the present Head of the Anti-Corruption Agency. I wish to state categorically that the Government is fully satisfied with the work of the present Director-General of the Anti-Corruption Agency. He has carried out the work of the Anti-Corruption Agency in accordance with the Rule of law and a sense of fair play and wisdom. We do not want to place this country under any form of Police State where one person can use his power without reference to the Rule of Law and the Rukunegara. The Anti-Corruption Agency now works just as much as before, if not more, but it has cut down the publicity aspect of it. (*Tepuk*). This is in line with the Government directive to the Anti-Corruption Agency.

I would like to refer the Honourable Member to the speech made by the Yang Amat Berhormat Deputy Prime Minister and the Minister of Home Affairs on 29th June, 1970 when he addressed the Second A.C.A. Conference. I quote him (this is what Tun Dr Ismail said):

"The first phase of your existence, namely the introduction-publicity period, is over. The second phase is the action stage. At this stage the publicity angle should be subordinated to the action aspect, as the proverb says, 'Good wine needs no boost'." (*Ketawa*)

Tuan Yang di Pertua, cadangan ini adalah satu perkara yang saya fikir, yang kurang adil, oleh kerana Ketua Pengarah BPR sekarang adalah menjalankan tugas-tugasnya berdasarkan Undang-undang dan peraturan-peraturan yang tertentu. Jika Yang Berhormat itu sangat berkenan kepada Ketua Pengarah dahulu, maka begitulah juga ada banyak orang lain yang bersetuju dengan cara-cara Ketua Pengarah sekarang menjalankan tugasnya. (*Tepuk*). Jika cara publisiti Ketua Pengarah dahulu menjalankan kerjanya menyenangkan hati Yang Berhormat itu, maka ada juga orang lain yang tidak senang hati dengan cara-cara kerja yang seumpama itu. Pendek kata Kerajaan yang bertanggungjawab bagi melantik Ketua Pengarah sekarang, telah cukup puashati dengan kebolehan dan cara-cara ia menjalankan kerjanya.

Itulah sebabnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menjawab bagi pihak Kerajaan berkenaan dengan Ketua Pengarah sekarang seperti yang saya

bacakan tadi dalam bahasa Inggeris. Kita berkehendakkan satu Perkhidmatan Awam yang baik. Sebagai yang dinyatakan di dalam Dewan Rakyat:

“The Anti-Corruption Agency now works just as much as before, if not more, but it has cut down the publicity aspect of it.”

Butir-butir yang berikut ialah menunjukkan kegiatan Badan Pencegah Rasuah dalam tahun 1972. Saya bacakan untuk pengalaman Dewan ini, kerana banyak yang belum tahu apa yang telah berlaku:

1. Maklumat yang diterima oleh Badan itu ialah 3,422 dalam setahun.
2. Siasatan sulit yang dijalankan 1,602.
3. Siasatan terbuka yang dijalankan 226.
4. Jumlah penangkapan 181.
Lima puluh orang Pegawai Kerajaan, 131 orang-orang awam yang telah ditangkap dalam setahun.
5. Pendakwaan yang dijalankan di Mahkamah—195. 137 disabitkan dan dihukum dan 58 telah dibuang kes.

Dalam kes yang ditangkap tadi, ada dua orang bagi pengetahuan Dewan ini. Seorang daripadanya ialah Ahli Parlimen dan seorang Ahli Majlis Kerajaan Negeri, yang masih belum lagi selesai perbicaraannya. Kalau ada yang hendak juga boleh disiasat pula. (*Ketawa*).

6. Tindakan tata-tertib telah disyorkan supaya diambil terhadap pegawai-pegawai Kerajaan, termasuk pegawai-pegawai Awam, ia-itu Kelakuan dan Tata-tertib Perintah Am Bab D, 1969, bermakna di bawah General Order, yang kita ambil tata-tertib, tegasnya samada turun pangkat, buang kerja dan lain-lain berjumlah 33 orang. Itu yang tidak di bawa ke Mahkamah.
7. Tindakan tata-tertib atas pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diisytiharkan oleh Mahkamah sebagai si berhutang hukuman atau judgement debtors—575 orang dan sebagai pegawai yang diisytiharkan bengkrup telah diambil tindakan—37 orang.

Tuan Yang di Pertua, dari perangkaan-perangkaan di atas ini jelaslah bahawa Badan Pencegah Rasuah di bawah pimpinan Ketua Pengarah sekarang telah menjalankan kerja-kerja yang banyak dalam bidang yang luas.

Badan Pencegah Rasuah juga telah mengambil tindakan untuk menghadkan tempat kediaman (restricted residence) terhadap 7 orang ahli penyeludupan yang besar dan taukeh-taukeh judi haram yang di dapati mengancam ekonomi negara kita. Inilah satu senjata baharu yang dipakai oleh Ketua Pengarah sekarang untuk mencegah amalan-amalan rasuah dikalangan pihak-pihak tertentu.

Satu lagi langkah yang dimulakan oleh B.P.R. di bawah Ketua Pengarah sekarang ialah menangkap kes penyeludupan yang besar-besar, misalnya kes penyeludupan beras dari luar yang berjumlah beribu-ribu tan di Melaka pada 19hb Mei, 1971 itu ialah kes B.P.R.

Penyeludupan beras asing telah disedari oleh B.P.R. sebagai mengancam beras tempatan yang dikeluarkan oleh peladang-peladang di bawah Rancangan Muda dan Kemubu. Selain daripada itu B.P.R. juga telah menangkap penyeludupan barang-barang kimia (chemist) yang susah hendak dikesan.

Tuan Yang di Pertua, di bawah pimpinan Ketua Pengarah sekarang jumlah harga barang-barang seludup yang telah ditangkap oleh B.P.R. sebanyak \$2,360,168,45 yang melibatkan cukai Kerajaan sebanyak \$768,856.98. Kes-kes ini telah di bawa ke mahkamah dan didenda yang telah dikenakan oleh mahkamah sebanyak \$774,318. Kegiatan B.P.R. tentang penyeludupan ialah untuk mencegah amalan-amalan rasuah dikalangan tertentu. Sekarang terang dan nyata iaitu kegiatan B.P.R. bukan sahaja dibidang rasuah pada orang Kerajaan atau orang memberi wang atau mengambil wang, tetapi juga dalam bidang penyeludupan yang besar yang telah saya terangkan tadi.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:
Tuan Yang di Pertua, saya hendak meminta penjelasan sedikit. Nampaknya Yang Berhormat Tan Sri telah menerangkan dengan cara tepat sekali tentang aktiviti B.P.R. ini dalam penyeludupan dan tangkapan yang telah dibuat. Saya sukalah hendak bertanya sedikit adakah B.P.R. ini juga telah menangkap ataupun menyelidiki atau bertindak di atas kumpulan-kumpulan rasuah, sekiranya ada dalam golongan keretapi yang ada dalam negara kita ini?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kalau ada masa inipun satu siasatan, susah saya hendak menerangkannya. Banyak perkara yang ada tidak boleh saya terangkan di sini kerana saya kata kalau saya tak salah saya sudah masuk tempat itu setahun ada 3,000 fail yang masih disiasat fail sulit, sekarang masih ada 10,000 agaknya, saya percaya, ada disiasat. (*Tepuk*) Perkara ini, Tuan Yang di Pertua, kalau kita terangkan orang itu akan berjaga-jaga, biarkan dia banyak lemak, baharu dia kena.

Tuan Yang di Pertua, akhirnya saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa dalam Persidangan Dewan Rakyat pada 17hb Januari, 1973, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail telah mengesahkan tiada cadangan hendak mengembalikan jawatan Ketua Pengarah B.P.R. kepada yang arif Tuan Hakim Harun Hashim yang telah juga kita mengucapkan terima kasih atas perkhidmatannya dengan cara-caranya juga di dalam B.P.R. itu.

Saya percaya, Tuan Yang di Pertua, teguran Ahli Yang Berhormat itu ialah ikhlas. Sekiranya beliau tahu terlebih dahulu apa yang saya telah jelaskan di Dewan ini, saya percaya, beliau tak mengecam begitu hebat dan saya percaya juga boleh jadi dia memuji ketua B.P.R. yang ada ini.

Tuan Yang di Pertua, sekarang saya berpaling kepada Kementerian saya pula iaitu berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Saaid dan dua orang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan narkotik telah memberi pandangan dan tegoran bagaimana bahaya dan akibat menghisap ganja dan madat kepada rakyat-rakyat dan masyarakat khasnya belia-belia dan murid-murid sekolah. Bahaya menghisap ganja, madat dan menyalahgunakan dadah atau drug yang merbahaya di Malaysia belumlah begitu besar. Tuan Yang di Pertua, akan meluas kalau kita bandingkan dengan apa-apa yang sedang berlaku di negeri-negeri lain. Walaupun begitu, Kerajaan telah lama sedar dan memandang berat akan bahaya ini dan akibatnya kepada masyarakat dan negara. Dengan adanya kesedaran ini Kerajaan telah mengambil satu langkah yang positive dan tepat dengan mengarahkan saya sebagai Peguam Negara menubuhkan satu biro yang bernama

Pusat Biro Narkotik (Central Narcotic Bureau) yang telah diletakkan di bawah jagaan dan kuasa saya sendiri kerana Kerajaan menyedari bahawa kawalan dari pihak polis, kastam dan Kementerian Kesihatan sahaja seperti yang biasa dibuat tidak mencukupi bagi mencegah bahaya yang akan merebak. Biro ini telah mula ditubuhkan dalam bulan Oktober, 1972 dan mulai tahun ini telah mula berjalan dengan lancarnya.

Pejabat Biro ini, Tuan Yang di Pertua, ialah di Petaling Jaya dan dibawahnya diadakan bahagian utara yang dikendalikan dari pejabatnya di Pulau Pinang, bahagian tengah berpejabat di Kuala Lumpur, bahagian selatan berpejabat di Johor Bahru. Pejabat bahagian Malaysia Timur akan ditubuhkan tidak lama lagi.

Peruntukan wang yang dikehendaki yang cukup telah diberi kepada biro ini. Pegawai-pegawai polis dan kastam yang dipilih khas kerana kecekapan dan kecergasan-kecergasan mereka dalam penyiasatan telah ditukarkan kepada biro ini. Dengan yang demikian, pelaksanaan undang-undang bagi mencegah bahaya narkotik adalah meliputi seluruh Malaysia sekarang. Kerja yang rapat dan koordinasi antara pegawai-pegawai biro dengan pihak polis, kastam dan kesihatan adalah sangat mustahak dan akan dilaksanakan.

Fungsi-fungsi dan aktiviti biro ini akan diberi kepada 4 bahagian, iaitu:

- (i) Perlaksanaan (Enforcement);
- (ii) Perisikan dan Penyelidikan (Intelligence and Research);
- (iii) Pencegah dan Penerangan (Prevention);
- (iv) Pentadbiran.

Tujuan utama biro ini ialah mendapatkan punca-punca dari manakah datangnya atau masuknya, Tuan Yang di Pertua, narkotik dan menangkap serta merampas ganja-ganja dengan lain-lain narkotik sebelum sampai ke tempat pembahagiannya di bandar-bandar, di jalan-jalan dan di sekolah-sekolah. Sebagaimana juga dengan jenayah-jenayah lain, seperti jenayah rasuah, mencuri, membunuh, berkhalwat bahaya ini sukar hendak dihapuskan sama sekali walau bagaimana cekap sekalipun pihak yang berkuasa menjalankan tugas-tugasnya. Kerjasama dari orang awam dengan memberi maklumat adalah sangat-sangat dikehendaki. Nama-nama mereka

yang memberi maklumat boleh dirahsiakan dan hadiah dengan wang (reward) akan diberi kepada mereka itu yang bekerjasama dengan biro ini. Misalnya dengan satu maklumat dari seorang awam pihak biro ini dan polis baharu-baharu ini telah dapat membinasakan beribu-ribu pokok ganja yang ditanam di atas 1½ ekar tanah di dalam hutan di Tanjong Rambutan dalam dua minggu yang lalu. Dengan sebab kita sedar bahaya menghisap ganja, madat dan dadah adalah satu bahaya yang amat besar kepada masyarakat dan negara, saya berseru kepada orang-orang awam menyokong Kerajaan dan bekerjasama dengan pihak yang berkuasa iaitu polis, kastam dan Pusat Biro Narkotik dengan memberi maklumat-maklumat.

Berkenaan dengan hukuman yang ada sekarang ini ialah bagi membawa masuk, mengedar dan menghisap candu dan ganja hukumannya ialah 5 tahun penjara atau \$10,000 denda atau kedua-duanya. Bagi dadah yang merbahaya (drug) hukumannya ialah \$10,000 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya. Sekiranya Kerajaan berpendapat iaitu hukuman ini tidak mencukupi, saya tidak akan ragu-ragu mengemukakan kepada Kerajaan dan kepada Parlimen untuk meminda undang-undang yang ada sebagai mengganti hukuman yang ada dengan hukuman yang lebih berat.

Walau bagaimanapun, hukuman berat sahaja, Tuan Yang di Pertua, tidak akan dapat menghapuskan penyeludupan dan pendedaran ganja dan narkotik, kerana kita semua tahu untungnya itu amat besar walaupun wang itu ialah wang darah atau digelar "blood money" sebagaimana juga kes-kes lain susah juga kita hendak hapuskan. Bagi makluman Dewan ini angka-angka yang dikumpulkan oleh pihak berkuasa selama 3 tahun yang lalu ialah menunjukkan kemasukan madat dan juga dadah adalah bertambah di negeri ini. Angka-angkanya saya sebutkan adalah seperti berikut-bekikut :

	1969	1970	1971
Candu	2,328 paun	5,044 paun	3,050 paun
Morphine	22 ..	142 ..	17 ..
Marijuana	1,867 ..	3,122 ..	8,441 ..
Pokok ganja yang dirampas dan dibinasakan	1,067 batang	4,418 batang	5,000 batang

Itulah angka-angka menunjukkan kecekapan atau tangkapan dan rampasan yang telah dibuat oleh pihak yang berkuasa dalam 3 tahun yang lampau.

Tuan Yang di Pertua, satu daripada tanggungjawab Pusat Biro Narkotik ialah mencegah perbuatan menyalahguna dadah. Sebagaimana sebahagian daripada program untuk menyedarkan orang awam tentang bahaya narkotik dan dadah, Biro ini merancang hendak mengadakan maklumat yang sebenar melalui risalah, jurucakap-jurucakap, filem-filem dan pamiran-pamiran. Program pencegahan itu akan dirancang dan dijalankan melalui suatu Jawatankuasa terdiri daripada wakil-wakil dari Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dan juga orang awam dengan aktiviti ini. Satu daripada cara mencegah dadah daripada disalahgunakan oleh pemuda-pemuda kita, terutama sekali di kalangan sekolah-sekolah ialah melalui program-program pendidikan dan pencegahan yang berkesan. Perhubungan antara sekolah-sekolah dengan ejensi-ejensi penguatkuasaan dan pegawai-pegawai mahkamah mestilah ditambahkan dan bukan dikurangkan. Dasar mestilah dibentuk oleh Lembaga-lembaga sekolah, pentadbir-pentadbir dan lain-lain ejensi yang akan mengadakan langkah-langkah lain dan bukan semata-mata mengurung mereka. Bermakna kalau ada yang kita tangkap ialah murid-murid sekolah, maka tujuan Kerajaan bukanlah hendak mengurung, mempenjarakan belia-belie khasnya budak-budak sekolah, tetapi mencari jalan bagi memulihkan supaya mereka itu boleh menjadi seorang ahli masyarakat yang berguna.

Memang mudah untuk menyalahkan sekolah-sekolah, Tuan Yang di Pertua, kerana tidak menyelesaikan masalah mengenai perbuatan menyalahgunakan dadah di kalangan sekolah-sekolah, tetapi masalah dadah ini bukannya hanya satu masalah sekolah sahaja. Sebaliknya satu masalah bagi seluruh masyarakat, khasnya masalah pendidikan ibu-bapa. Masalah ini adalah juga satu masalah pemuda-pemuda. Mereka mestilah ditolong supaya sedar bahawa mereka adalah sekarang ini seorang yang bertanggungjawab, juga atas masa depan mereka dan masa depan kanak-kanak yang lebih muda daripada mereka.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya menyatakan ibu-bapa dan masyarakat hendaklah diberitahu mengenai peranan mereka bagi menyediakan pemuda-pemuda untuk menjadi orang dewasa yang sempurna dalam kebudayaan kita. Melalui program yang

menambahkan penyertaan pemuda itu bersefahaman dan sokongan orang-orang dewasa dan orang awam, adalah mustahak supaya masyarakat diberi keyakinan bahawa sekolah adalah memainkan hanya sebahagian sahaja daripada sepenuhnya peranan yang telah saya sebutkan. Itulah sahaja, Tuan Yang di Pertua, yang dapat saya jawab berkenaan dengan teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan ketiga-tiga Kementerian, dan sekiranya ada perkara yang lain yang tidak dapat saya jawabkan, maka saya memberitahu Dewan ini iaitu perkara itu adalah akan ditimbang oleh tiap-tiap Kementerian yang berkenaan dan sekiranya wajar dan baik akan dilaksanakan dan diambil perhatian. Demikianlah, Tuan Yang di Pertua.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya minta penjelasan yang lebih lanjut berkenaan dengan jawapan Tan Sri Peguam Negara mengenai perkataannya bahawa Kerajaan hendak menubuhkan satu lembaga bagi mengawasi ataupun menjalankan perusahaan tangan dalam Malaysia ini. Setahu saya hari ini kita telah ada Lembaga Pemasaran Batik Malaysia yang telah ditubuhkan oleh MARA dan kita telah ada Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia yang juga ditubuhkan oleh Kerajaan dengan modal Kerajaan. Jadi bermakna ada dua badan yang kerjanya serupa iaitu membuat batik perusahaan tangan dan yang satu lagi perusahaan tangan juga.

Lagi satu saya dapati daripada akhbar iaitu keterangan Tuan Abdul Ghafar Baba mengatakan dia akan menubuhkan satu Lembaga di bawah undang-undang MARA yang ada hari ini, MARA satu authority, jadi di bawah authority itu Tuan Abdul Ghafar akan menubuh satu lembaga supaya dapat membetulkan keadaan kelam-kabut dalam perusahaan tangan itu. Jadi saya ingin mendapat penjelasan yang lebih jelas lagi apabila disebut lembaga yang dimaksudkan hendak ditubuhkan oleh Kerajaan itu, lembaga mana? Adakah Lembaga yang akan ditubuhkan oleh Tuan Ghafar Baba di bawah Undang-undang MARA ataupun Lembaga yang akan ditubuhkan dengan status sebagaimana MARA juga yang dibawa undang-undang ke Parlimen ini untuk mengawasi dan menjaga dalam perkara perusahaan tangan. Lembaga mana sebenarnya? Saya minta penjelasan dari Peguam Negara.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, dalam jawapan yang disediakan bagi saya untuk menjawabnya, katanya ialah sebuah lembaga barang-barang pertukangan tangan (handicraft board) yang hendak di tubuhkan, tetapi dengan teguran oleh Ahli Yang Berhormat itu saya akan membawa perkara ini kedua-kedua Menteri yang berkenaan dalam perkara ini, iaitu Menteri Perusahaan dan Perindustrian yang bertanggungjawab hal ini dan seorang Menteri Pembangunan Negara pula yang hendak menubuhkannya perniagaan juga. Dengan hal yang demikian, saya akan kemukakan kepada kedua Menteri itu dan untuk diputuskan masalah yang ditimbulkan tadi.

Tuan Yang di Pertua: Perkara itu akan dibawa kepada Kementerian yang berkenaan.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Saya faham, Tuan Yang di Pertua. Saya minta maaf, saya terpaksa melanjutkan sedikit dalam masalah ini. Kalau sekiranya Tan Sri Peguam Negara hendak bawa kepada kedua Menteri supaya menyelesaikan yang mana satu lembaga yang akan ditubuhkan itu, jadi saya mintalah supaya Tan Sri memberikan fikiran kepada Menteri itu kalau hendak tubuhkan lembaga itu tubuhkan lembaga yang semi-government seperti statutory body yang diluluskan oleh Parlimen dan undang-undangnya, sebagaimana status MARA khas untuk perusahaan tangan bagaimana pernah dibuat di negeri yang besar-besar supaya segala kerja boleh dijalankan dengan lebih sempurna dan kuatkuasanya lebih besar daripada satu lembaga yang tidak akan dapat menyelesaikan masalah seumpama itu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Boleh, Tuan Yang di Pertua.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan, 1973.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah membincangkan hal dasar perbelanjaan tahun 1973 dengan mendalamnya dan membuat teguran-teguran yang membina dan

segala teguran-teguran itu sebagai telah disebutkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara akan diambil perhatian dan tindakan-tindakan yang sewajarnya akan dijalankan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, saya suka juga menjelaskan sebelum menggulung perbahasan terhadap Kementerian Kewangan, dan saya diberi tugas juga untuk menolong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menjelaskan beberapa perkara yang belum lagi dijelaskan oleh Yang Berhormat Peguam Negara tadi dan juga menjelaskan berkenaan dengan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan.

Berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Wong Seng Chow, dia minta Kerajaan mengkaji sebab-sebab mengapa sebilangan warganegara Malaysia bekerja disebuah negara luar untuk dijadikan pedoman sebelum tindakan menarik balik kewarganegaraan diambil.

Suka saya menyatakan iaitu Kerajaan tidak menarik balik kewarganegaraan seseorang rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri kecuali Kerajaan berpuashati bahawa seseorang itu telah melanggar mana-mana peruntukan di bawah Perkara-perkara 24, 25 dan 26 Perlembagaan. Suka saya menyatakan juga bahawa tiap-tiap tindakan perlucutan adalah dikaji dengan teliti dan dipertimbangkan "on the fact of each case".

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob telah mencadangkan supaya diutamakan bekas parajurit dan bekas anggota polis membuat lesen senjata api untuk memudahkan mereka mendapat pekerjaan sebagai Jaga di kedai-kedai emas, lombong, estet-estet dan bank-bank. Sebenarnya lesen senjata api ini tidak dikeluarkan atas nama perseorangan yang bekerja sebagai Jaga. Lesen senjata diluluskan atas nama Pengurus syarikat ataupun badan-badan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Seseorang jaga hanya dikeluarkan lesen untuk membawa dan mengguna senjata api. Permohonan perseorangan untuk memiliki senjata api dengan bertujuan menggunakannya dalam menjalankan tugas sebagai Jaga adalah tidak digalakkan.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga mengesyorkan supaya perkara kakitangan yang mengendalikan Paspot Terhad patut diasingkan daripada kakitangan yang mengendalikan Paspot Antarabangsa. Sukalah saya menyatakan bahawa peraturan-peraturan seperti itu memang telah dijalankan dari mulanya Paspot Terhad dikeluarkan, iaitu sudah pun beberapa tahun.

Berkenaan dengan soal menambah kakitangan di Jabatan Imigresen dan juga memperbaiki bangunan Jabatan itu, pembinaan bangunan baharu sukalah saya menyatakan pada Ahli Yang Berhormat itu bahawa soal ini telahpun diberi jawapan oleh Yang Berhormat sahabat saya iaitu Tuan Ali bin Haji Ahmad apabila menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt pada 13hb Februari tahun ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahim bin Manan telah muskalkan, apa yang dikatakan kekasaran yang telah dilakukan oleh pihak polis terhadap orang yang datang menyambut Jemaah-jemaah pulang dengan kapal di Pelabuhan Kelang pada 3hb Februari tahun ini. Seperti yang telah dikatakan sendiri oleh Ahli Yang Berhormat itu, kawasan pengkalan di pelabuhan kelang itu kecil, dan tidak boleh muat untuk memasuki orang menghantar yang bilangannya empat kali ganda penumpang kapal yang balik Haji. Apabila kawasan yang kecil itu didesaki oleh bilangan orang yang ramai, sudahlah menjadi kucar-kacir dan tidak mengikut peraturan lagi. Istimewa pula apabila orang-orang yang hendak menyambut kapal haji itu terpaksa berlamaan menunggu mereka dari jam 3.30 pagi hingga jam 2.00 petang apabila kapal baharu sampai.

Sebenarnya pada hari itu kapal haji "Malaysia Kita" dijadualkan sampai ke Pelabuhan Kelang jam 7.30 pagi. Anggota Polis yang dihantar bertugas ialah terdiri daripada Polis Simpanan Persekutuan. Apabila Pasukan Polis ini tiba, Polis Simpanan Persekutuan ini mengambil tempat jagaan datang perkhawaran ketibaan kapal ditangguhkan jam 12.00 tengah hari. Kemudian lebih kurang jam 11.30 pagi datang lagi perkhawaran memberitahu kapal tidak akan sampai sehingga lebih kurang jam 2.00 petang.

Pada masa itu orangramai yang berkumpul di luar gudang pelabuhan pun mulai berasa keluh-kesah. Waktu lebih kurang jam 12.30 tengah hari, kapal itu belayar memasuki pengkalan, orang ramai pun bergelut-gelut hendak menuju ke pinggir dramaga ataupun pelabuhan. Anggota Polis yang bertugas terpaksa menahan supaya masing-masing balik ke tempat menunggu di dalam gudang pelabuhan itu. Dalam keadaan begitu tidak dapat dielakkan kekasaran yang tidak sengaja, kerana bukan mudah hendak mengawal beribu-ribu orang.

Pada 15hb Februari tahun ini, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim telah menyentuh berkenaan tangkapan-tangkapan dan tahanan-tahanan yang dilakukan di negeri Perlis di mana perbicaraan mahkamah tidak diadakan dan tindakan buang daerah ataupun perintah memindahkan seseorang yang berkenaan dari satu negeri ke negeri yang lain dijalankan. Tindakan yang dilakukan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengikut kuasa di bawah Enactment Kediaman Terhad, Bab 39. Undang-undang yang berkenaan ini meluluskan siapa yang ditangkap dengan kuatkuasa Waran Tangkap dan Tahan, di bawah Seksyen 21 Bab 39 disimpan dalam penjara untuk pemeriksaan selama yang tidak dihadkan. Walau bagaimanapun lazimnya seseorang itu tidaklah ditahankan selama masa yang lebih daripada dua bulan iaitu selaras dengan undang-undang lain seperti Ordinan Mencegah Jenayah No. 13 tahun 1959, Akta Keselamatan Dalam Negeri No. 18 tahun 1960 dan Ordinan Darurat Mencegah Jenayah dan Ketenenteraman Awam No. 5 tahun 1969.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengesyorkan supaya orang-orang yang ditahan di penjara sebelum dibuang daerah dibenarkan menggunakan pakaian mereka sendiri dan bukan pakaian penjara. Mengenai syor ini saya suka menyatakan bahawa mengikut peraturan 182 Kaedah Penjara (Prison Rules) tahun 1953, seseorang yang ditahan di penjara sementara menunggu dibuang daerah adalah dibenarkan menggunakan pakaian mereka sendiri. Cuma mereka yang tidak mempunyai pakaian sendiri adalah diberi pakaian penjara. Orang-orang ini termasuk dalam golongan orang yang tidak dijatuhkan hukuman.

Yang Berhormat Datuk Chong Foo Khin telah meminta supaya pembuangan daerah ke atas orang-orang ini dibuat dengan cara menempatkan mereka ke dalam satu kawasan rancangan tanah. Pada pendapat beliau kononnya cara itu bertujuan mengelak supaya penduduk-penduduk tempatan yang lain tidak dipengaruhi ke arah jenayah oleh orang pembuangan. Kenyataan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum. Setakat ini Kementerian Dalam Negeri tidak pernah menerima laporan ataupun aduan yang menunjukkan bahawa perbuatan jenayah yang berlaku di sesuatu tempat adalah berpunca dari pengaruh orang yang sedang menjalani berat buang daerah sebaliknya untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kebanyakannya orang-orang yang menjalani perintah buang daerah telah insaf dan telah menukar corak hidup mereka daripada penghidupan berjenayah kepada penghidupan seorang warganegara yang berguna kepada masyarakat. Oleh kerana itu Kementerian berpendapat tidaklah perlu diadakan kawasan khas seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Beberapa orang Ahli Dewan ini telah mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil tindakan yang sesuai terhadap orang-orang yang berambut panjang dan yang memakai pakaian tidak senonoh.

Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa menyimpan rambut panjang ataupun memakai apa jua pakaian adalah hak asasi seseorang sebagai yang telah dimaktub di dalam Perlembagaan negara kita.

Bahkan kita boleh saksi hak asasi ini diamalkan dalam Dewan yang mulia ini juga iaitu misalnya seorang Ahli Yang Berhormat Senator sendiri ada berambut panjang. Tetapi jika mereka yang berambut panjang

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Bolehkah Yang Berhormat mencadangkan contoh yang baik itu patut diikuti oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara? (*Ketawa*).

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Pada fikiran saya, ini adalah contoh yang tidak baik kerana kita tahu sudah ramai mengkritik tentang berambut panjang dan juga pakaian-pakaian yang tidak senonoh. Jadi wajarlah bagi Ahli-ahli Yang Berhormat

bukan sahaja dalam Dewan ini bahkan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negeri sepatutnya mengamalkan apa yang difikirkan مناسب dan bagus bagi masyarakat umum. Tetapi jika mereka yang berambut panjang dan berpakaian yang tidak senonoh itu membuat ataupun melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang tertentu, maka pihak yang berkuasa akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka itu.

Tuan Yang di Pertua, saya juga suka menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan terhadap Kementerian Kesihatan. Dukacita Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak dapat hadir sendiri oleh sebab beliau terpaksa berada di negeri Sarawak pada ketika ini.

Tuan Yang di Pertua, berikutan dengan pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Mansor bin Mohamed pada 13 haribulan Februari tahun ini, sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan ingin meyakinkan Yang Berhormat Senator itu bahawa bukanlah tujuan Kementerian Kesihatan membiarkan sahaja Hospital Kuala Trengganu. Kedudukan dan keadaan perkara ini pada masa sekarang ialah seperti berikut:

Tapak hospital Kota Bharu yang sedia ada sekarang sentiasa terbuka kepada bahaya banjir yang teruk. Oleh itu, adalah perlu mendapatkan tapak lain sebagai gantinya yang tidak mudah dilanda banjir.

Pembinaan hospital Kota Bharu di tapak yang ada sekarang adalah tidak bijak.

Untuk mempercepatkan projek ini, pelan hospital Seremban dengan perubahan-perubahan yang disesuaikan dengan keperluan-keperluan penduduk-penduduk tempatan sedang dicadang dibina di tapak yang baharu di Kota Bharu itu.

Menyentuh soal Hospital Kuala Trengganu pula, cadangan yang asal di dalam Rancangan Malaysia Kedua untuk membina berperingkat-peringkat pembinaan semula seluruh hospital itu di tapak yang ada sekarang yang difikirkan sesuai.

Kementerian Kesihatan berura-ura menggunakan standard four-storey ward block yang baharu-baharu ini direka oleh Jabatan

Kerja Raya. Kerajaan negeri Trengganu baharu-baharu ini juga telah menawarkan kepada Kementerian Kesihatan tapak baharu yang bersebelahan dengan tapak hospital sekarang dan mencadangkan sebuah hospital baharu yang keseluruhannya didirikan di tapak itu.

Kementerian Kesihatan sedang membawa perkara ini ke pengetahuan pihak yang berkuasa dan kelulusan telah diberi pada dasarnya untuk memberi tanah tapak yang tersebut. Jabatan Kerja Raya juga sedang menyediakan preliminary lay-out plan untuk hospital baharu yang dicadangkan itu. Saya harap Yang Berhormat Senator itu berpuas hati dengan penjelasan terhadap Hospital Kuala Trengganu.

Mengenai pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Saaid pada 15 haribulan Februari, suka saya menyatakan bahawa sebabnya mengapa Kerajaan mengambil jururawat-jururawat warganegara Malaysia di luar negeri balik untuk berkhidmat di Malaysia ialah kerana bilangan jururawat-jururawat yang dapat dilatih di Malaysia adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan tenaga jururawat-jururawat dalam Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan.

Kementerian Kesihatan sentiasa mencari peluang untuk menambah bilangan jururawat pelatih yang akan dilatih di negara ini sendiri, tetapi ikhtiar untuk menambahkan bilangan pelatih-pelatih terpaksa dibuat dengan cara beransur-ansur oleh kerana kekurangan tenaga pengajarnya, tambahan pula mereka ini dikehendaki mengajar dalam Bahasa Melayu.

Lepasan-lepasan dari sekolah menengah tidak dapat diambil bertugas sebagai jururawat tanpa mendapat latihan dan kelulusan yang dapat didaftarkan dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

Berikutan dengan pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tok Pangu Pandak Hamid bin Puteh Jali pada 15 haribulan Februari tahun ini berkenaan Persatuan Tabib Homeoayurvedie dan Siddha, sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan telah menghantar jawapan kepada President Persatuan itu pada 22 haribulan Januari, 1973 dalam fail Bil. KK 1000 (5) SK 1008 (5)

yang menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan tiada halangan bagi Persatuan itu menjalankan amali perubatan bangsa masing-masing iaitu native method of pure therapeutic dengan syarat mereka tidak melanggar sebarang syarat yang ditetapkan dalam Akta Perubatan No. 50 tahun 1971 dan juga lain-lain Ordinan yang bersangkutan, Drugs dan Poisons Ordinance dan sebagainya. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak bercadang memasukkan kelulusan perubatan homoeopathy, ayurvedic ke dalam senarai kelulusan-kelulusan yang telah disahkan bagi pendaftaran sebagai pengamal-pengamal perubatan.

Berkenaan dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Encik Ismail bin Sheikh Ibrahim pada hari kelmarin mengenai keseksaan pesakit-pesakit yang pergi ke Pusat Kesihatan Arau yang berhampiran dengan Istana Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, sukacitalah saya menyatakan bahawa sebenarnya tidak ada pusat kesihatan di Arau. Kita hanya mempunyai sebuah dispensari dan sebuah klinik ibu dan kanak-kanak di tempat itu. Kementerian Kesihatan akan menyiasat dalam hal ini untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di Pertua, saya tibalah kepada teguran-teguran terhadap Kementerian Kewangan pula iaitu menyentuh soal infelasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk S. O. K. Ubaidulla, saya memang bersetujulah bahawa masalah infelasi adalah membimbangkan dan Kerajaan akan mengambil tindakan yang wajar untuk mengatasinya. Tindakan kita menetapkan pariti emas ringgit kita harus dilihat dari segi ini.

Mengenai syor Senator itu supaya Kerajaan mengharamkan eksport ayam dan makanan haiwan dan menghadkan eksport ikan, udang dan lain-lain makanan, saya rasa bahawa ini tidak akan membantu mengurangkan infelasi. Malah ianya akan membebankan perusahaan itu dan bertentangan dengan usaha kita untuk memperbagaikan eksport kita. Makanan yang dikeluarkan dalam negeri bukanlah satu unsur yang menyebabkan kenaikan harga. Sesungguhnya, selain daripada gula dan keluaran-keluaran ternakan yang diimport, harga lain-lain makanan tempatan adalah cukup setabil. Pada hakikatnya, seperti

yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan penguatkuangnya angka tunjuk pengguna bagi makanan menunjukkan bahawa harga setengah-setengah bahan seperti sayur-sayoran, ikan, daging babi, ayam-itek dan minyak masakan sebenarnya telah turun dalam suku tahun kedua tahun lepas berbanding dengan suku tahun yang terdahulu. Kenaikan harga setengah-setengah makanan yang dialami baru-baru ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor musim atau seasonal factors terutama sekali perayaan Tahun Baharu Cina, Kristmes, Deepavali dan Hari Raya Haji. Oleh itu kenaikan harga yang kita alami itu sebahagian besarnya disebabkan oleh infelasi yang diimport (imported inflation) dan masalah ini tidak boleh diselesaikan pada keseluruhannya dengan mengharamkan atau menghadkan eksport barang-barang yang disyorkan oleh Yang Berhormat Senator itu.

Saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa usaha telah pun dijalankan untuk memelihara kesetabilan harga dengan mengadakan Undang-undang Tanda-harga seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara semasa soal jawab tadi. Tambahan lagi perusahaan-perusahaan yang menerima perlindungan tarif telah dikehendaki mendapat kelulusan Kerajaan terlebih dahulu sebelum mereka dapat menaikkan harga barang-barang pengganti import kita iaitu dalam bahasa Inggerisnya import substitution goods. Ia tidak menaikkan dengan begitu tinggi seperti yang dialami oleh setengah-tegah negara lain yang menjalankan dasar penggantian import iaitu import substitution policy.

Tuan Yang di Pertua, mengenai teguran yang dibuat oleh Senator Dr Mahathir, saya suka menerangkan di sini bahawa sistem mengenakan cukai-cukai baru yang diamalkan sekarang ini adalah semata-mata untuk mendatangkan hasil tambahan yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan untuk pengurusan pentadbiran dan juga pembangunan negara yang semakin meningkat tiap-tiap tahun. Cukai-cukai ini di bentuk selepas mengetahui bahawa hasil yang didapati sekarang tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan negara yang telah ditentukan pada tahun yang berikut. Jika sekiranya cukai baru itu diperbahis sebelum dikuatkuasakan dan kemudian tidak diluluskan oleh Parlimen, maka sudah tentu rancangan-rancangan

Kerajaan akan tergendala. Dalam usaha-usaha Kerajaan untuk mempesatkan pembangunan, adalah perlu bagi Kerajaan mendapatkan hasil yang banyak. Oleh itu pelaksanaan cadangan cukai baru hendaklah dilakukan dengan segera untuk mendapatkan hasil-hasil tersebut.

Atas cadangan Senator itu supaya cukai dikenakan mengikut satu jadual, saya fikir apa yang dimaksudkan oleh beliau barangkali ialah berkenaan dengan cukai-cukai perlindungan. Saya fikir pengenaan cukai seperti itu mungkin sesuai bagi barang-barang pengeluaran pertanian seperti buah-buahan dan sebagainya kerana perusahaan ini berkehendakan masa yang panjang sebelum hasilnya dapat dikeluarkan untuk pasaran tempatan. Pengenaan cukai seperti itu juga mungkin sesuai kerana soal menyimpan barang-barang itu secara besar-besaran untuk mendapat keuntungan tidak timbul kerana buah-buahan adalah barang-barang yang tidak dapat disimpan lama. Sebenarnya dalam Belanjawan tahun 1972 Kerajaan telahpun mengumumkan beberapa cukai impot yang digantung atas buah-buahan dengan tujuan untuk menggalakkan penanaman buah-buahan secara besar-besaran, tetapi langkah ini telah tidak mendatangkan tujuan yang dikehendaki dan oleh itu Kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang lebih tegas dengan mengenakan cukai-cukai itu dengan serta-merta itu Kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang lebih tegas dengan mengenakan cukai-cukai itu dengan serta-merta.

Bagi barang-barang perusahaan, sistem yang dicadangkan itu adalah tidak sesuai kerana jika kita berbuat demikian suatu perusahaan itu tidak dapat diwujudkan dengan segera oleh kerana persaingan kuat daripada barang-barang impot. Cukai perlindungan (protective tariff) terpaksa dikenakan dengan serta-merta. Walaupun begitu saya suka menerangkan bahawa sebelum Kerajaan mengenakan cukai perlindungan (protective tariff), Kerajaan ada menentukan bahawa pengusaha-pengusaha ini dapat mengeluarkan sebahagian besar daripada kehendak-kehendak pasaran tempatan. Jika sekiranya pengeluar-pengeluar itu tiada dapat mengeluarkan bahagian yang dikehendaki itu maka cukai perlindungan tidak akan dikenakan

dengan serta-merta tetapi peraturan lain akan dilakukan seperti memberi kota (quota) untuk membolehkan perusahaan itu ditubuhkan di negeri ini.

Satu lagi perkara yang kurang baik berkenaan dengan cadangan itu ialah pemborong-pemborong barang-barang impot akan dapat mengambil kesempatan untuk menyimpan barang-barang itu terlebih dahulu dan dapat membuat keuntungan besar apabila cukai penoh dikenakan mengikut jadual yang ditentukan itu. Jika sekiranya simpanan seperti itu dilakukan secara besar-besaran maka sudah tentu cadangan seperti itu tidak dapat menjayakan perusahaan dalam negeri ini.

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Senator Amaluddin Darus telah mengesyurkan supaya orang-orang—gulungan pendapatan tinggi dikenakan cukai terlebih tinggi dan dia membuat cadangannya telah menyebutkan sekiranya seorang peniaga atau pengusaha itu mendapat \$14 juta maka tidaklah susah baginya membayar cukai \$1 juta. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu suka saya menyatakan sekiranya satu pengusaha yang mendapat untung sebanyak \$14 juta bukan sahaja beliau membayar \$1 juta cukai bahkan 50% daripada pendapatannya iaitu jikalau \$20 juta \$10 juta adalah untuk hasil negara ini.

Tuan Amaluddin bin Darus: Untuk penjelasan. Tuan Yang di Pertua, apa yang saya sebutkan kelmarin, saya sudah faham bahawa sanya 50% cukai pendapatan dikenakan dan Singapura 55% lebih daripada \$100 ribu. Apa yang saya maksudkan kalau dia mendapat \$14 juta setahun, apa salahnya negara mengenakan \$13 juta potongan cukai hanya bagi \$1 juta dia makan tidak habis. Bukan \$1 juta tidak, \$14 juta potongan \$13 juta.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, apabila hendak mengenakan cukai, maka kita juga kena memikirkan dan halusi takut-takut kalau kita mengenakan cukai sangat tinggi, maka tidak ramai orang-orang yang akan datang membina perusahaan-perusahaan di negara kita dan ini tidak akan menulung Kerajaan dan juga rakyat negara ini.

Akhir sekali berkenaan dengan cadangan meninggikan potongan perseorangan bagi tujuan cukai pendapatan, perkara ini telah pun ditimbulkan beberapa kali dalam Dewan Rakyat dan jawapannya telahpun diberi secara lanjut dan oleh itu tidak perlulah saya ulangi lagi jawapannya di dalam Dewan ini. Itulah sahaja jawapan saya atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan 53 (2) Rang Undang-undang ini diperintahkan bagi bacaan kali yang ketiga sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Mesyuarat ini ditangguhkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 5.45 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1971 dan 1972) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan yang berasingan, satu bagi tahun 1971 dan yang satu lagi bagi tahun 1972. Bagi tahun 1971 ialah Tambahan Ketiga, dan bagi tahun 1972 ialah Tambahan Kedua.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$66,390,041 bagi tahun 1971, dan jumlah ini adalah ditunjukkan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang-undang itu

dengan pecahan yang diberikan dalam bahagian perbelanjaan "bekalan" di dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1971, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 41 tahun 1972. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat perhatikan daripada jumlah \$69,131,012 yang dimasukkan dalam Tambahan ini, jumlah sebanyak \$2,740,971 adalah diperlukan untuk membiayai perbelanjaan "tanggungan" yang mana jumlahnya tidak dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Perbelanjaan tanggungan ini dikehendaki bagi membuat beberapa bayaran mengikut undang-undang yang timbul dalam tahun 1971 dan ini termasuk pemberian pencen kepada tanggungan-tanggungan bagi pegawai yang telah meninggal dunia dalam perkhidmatan atau selepas bersara mengikut seksyen 17 Ordinan Pencen, 1951 seperti yang dipinda oleh Akta A122 tahun 1972.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$15,219,983 bagi perkhidmatan tahun 1972. Selanjutnya peruntukan sebanyak \$20,098,080 juga dikehendaki sebagai perbelanjaan tanggungan bagi membolehkan Kerajaan membayar balik caruman pegawai-pegawai Kerajaan yang memilih keluar dari sekim menurut Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Pindaan), 1972 dan untuk membiayai tambahan caruman Malaysia kepada per-satuan Pembangunan Antarabangsa bagi tempuh tiga tahun dari 1972-1974 berikutan dengan bertambahnya kadar caruman dari \$2,520,000 Amerika kepada \$2,618,080 Amerika.

Dalam Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang itu menunjukkan jumlah sebanyak \$15,219,983 adalah dengan pecahannya dalam bahagian perbelanjaan bekalan di dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1972, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 45 tahun 1972.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ialah bahawa Rang Undang-undang ini, mengikut Peraturan Mesyuarat 53 (2) dibacakan terus pada bacaan kali yang ketiga.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULANWANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951" dibaca bagi kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen 11 (1) dan 13 (1A) Ordinan Kumpulan Wang simpanan pekerja, 1951 (Bil. 21 tahun 1951). Pindaan-pindaan ini adalah berhubung dengan kadar faedah yang boleh dikenakan ke atas caruman-caruman yang terlewat dibayar dan jumlah wang yang layak dikeluarkan apabila seseorang ahli meningkat umur lima puluh tahun. Pindaan kepada seksyen 16 (7B) pula merupakan pindaan yang mengekuri pindaan Seksyen 13 (1A).

Mengikut Seksyen 11 (1) dan peruntukan-peruntukan di bawahnya yang dipakai sekarang, seseorang majikan dikehendaki membayar faedah ke atas caruman-caruman terlewat pada kadar setengah peratus sebulan bagi tiap-tiap bulan atau sebahagian daripada satu bulan, dengan kadar faedah minimumnya sebanyak \$5 sebulan. Berasaskan kadar ini, majikan-majikan yang caruman bulannya berjumlah antara \$3 hingga \$1,000 akan membayar faedah yang sama banyak, iaitu \$5 sebulan, bagi caruman-caruman yang terlewat. Adalah ternyata, peruntukan ini sekarang berjalan secara tidak saksama, dan lebih memberatkan majikan-majikan kecil. Oleh itu, adalah lebih adil dan rasional jika jumlah faedah minima yang ada sekarang diturunkan daripada \$5 kepada \$2 sebulan, dengan meminda seksyen 11 (1) Ordinan tersebut.

Kadar yang dikenakan sekarang sebanyak setengah peratus sebulan bagi tiap-tiap bulan atau sebahagian daripada satu bulan ke atas caruman-caruman terlewat adalah bersamaan dengan 6% setahun. Adalah dirasakan kadar ini perlu dinaikkan supaya ia menjadi satu peratus lebih tinggi daripada perolehan pelaburan-pelaburan semasa pada sesuatu Kumpulan Wang itu. Hasil ke atas pelaburan ditaarif sebagai kadar faedah yang dibayar ke atas cagaran-cagaran (securities) yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan yang ditawarkan akhir sekali untuk belian awam dan telah dibeli oleh Lembaga ini. Sebagai contohnya, dalam bulan Mac, 1972, Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja membeli cagaran-cagaran Kerajaan Persekutuan yang mempunyai jangka masa kematangan yang terpanjang iaitu 20 tahun, matang dalam tahun 1992 pada kadar faedah 7%. Oleh itu, untuk tujuan ini, kadar faedah yang boleh dikenakan ke atas caruman terlewat adalah satu peratus lebih tinggi daripada 7% iaitu 8% setahun.

Kadar faedah yang lebih tinggi ini membolehkan Kumpulanwang memperoleh pendapatan yang patut diperolehinya sekiranya caruman-caruman itu dibuat mengikut masa yang betul, di samping menutupi tambahan kos pentadbiran yang perlu akibat pembayaran-pembayaran terlewat. Adalah diharapkan dengan cara ini, majikan-majikan tidak akan menanggungkan pembayaran caruman dan akan membayar sebaik sahaja mereka dikehendaki berbuat demikian.

Pindaan ke atas seksyen 13 (1A) Ordinan tersebut adalah perlu kerana kesamaran yang ada di dalam susunan kata-kata seksyen ini sekarang. Sungguhpun maksud seksyen-kecil ini adalah jelas, iaitu seseorang ahli apabila mencapai umur lima puluh tahun boleh memohon sekali sahaja untuk mengeluarkan satu pertiga daripada jumlah wang dalam kira-kira ahli pada permulaan tahun.

Oleh kerana seksyen 13 (1A) dan seksyen 16 (7B) Ordinan tersebut mengenai perkara yang sama, seksyen 16 (7B) juga perlu dipinda. Kedua-dua seksyen ini membenarkan pengeluaran sebahagian dibuat dari jumlah wang seseorang ahli apabila meningkat umur lima puluh tahun tanpa berhenti daripada menjadi ahli Kumpulanwang. Seksyen 16 (7B) merujuk kepada ahli-ahli "Kumpulanwang yang diluluskan" sahaja sementara seksyen 13 (1A) merujuk kepada

ahli-ahli Kumpulanwang Simpanan Pekerja. Pindaan yang berikut ini menghendaki supaya seksyen 16 (7B) dipinda mengikut hal-hal dan syarat-syarat yang sama dengan pindaan ke atas seksyen 13 (1A), kecuali rujukan yang dibuat kepada kumpulanwang masing-masing.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, di samping saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri berkenaan dengan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, saya suka mengambil bahagian secara ringkas.

Tuan Yang di Pertua, memandang kepada badan-badan berkanun sebagai KWSP kita dapati patutlah Kerajaan mengambil berat kepada badan-badan tersebut yang mana kita dapati cuai. Sebab-sebabnya saya katakan demikian, Tuan Yang di Pertua, kerana banyak daripada badan-badan yang tersebut khasnya badan KWSP ini kita dapati di dalamnya pekerja-pekerja bumiputra amatlah sedikit, kalau ada pun yang bergaji terlampau murah. Dengan sebab itu, diminta pihak Kerajaan mengambil perhatian yang sewajarnya kepada badan-badan tersebut.

Juga, Tuan Yang di Pertua, KWSP ini mengutip atau memotong wang pekerja melalui majikan dan ditambah oleh Kerajaan kepada caruman pekerja-pekerja tersebut dan wang itu dijadikan modal perniagaan dan sebagainya dan diberi keuntungan sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri berkenaan tadi. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, manusia berkehendakkan wang di masa ia terlampau mustahak. Maka dengan sebab itu, saya berpendapat Wang Simpanan Pekerja yang telah ditetapkan oleh Kerajaan menurut peraturannya bila ia berumur 55 tahun ataupun 50 tahun boleh dikeluarkan 1/3 dengan syarat-syarat yang tertentu, ataupun yang hendak meninggal-kan terus negara Malaysia ini. Kalau tidak, walau macam mana orang itu mustahak dan memerlukan sekali pun wang itu tak dapat diambil. Saya fikir peraturan yang begitu patutlah diubah.

Tuan Yang di Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, tiap-tiap orang mustahakkan wang atau mustahak satu-satu benda semasa ia amat berhajat, misalnya, seorang yang dahaga, amat memandang berat kepada segelas air, tetapi bagi orang yang tidak dahaga tentu tak begitu memandang berat.

Jadi begitulah tentang orang-orang ini. Dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan tidak patut membuat peraturan yang menetapkan 55 tahun dengan tidak dapat dielakkan ataupun boleh dituntut 1/3 bahagian. Hendaklah Kerajaan menimbangkan kalau seseorang sudah berhenti daripada perkhidmatan ataupun diberhentikan walaupun ia berumur 40 tahun, sedangkan anak-anaknya memerlukan pelajaran dan dia sendiri memerlukan sara hidup, kita hendak menunggu sampai dia berumur 55 tahun pada masa itu walaupun dibagi kepadanya, barangkali wang itu sudah tak begitu mustahak lagi, sedangkan anak-anaknya yang kita tahu kadang-kadang ada setengah daripada orang kita umur anaknya 18 tahun hendak masuk ke universiti ataupun pada masa anak itu berumur 13 tahun hendak melanjutkan pelajaran ke peringkat S.P.M. dan sebagainya. Masa itu dia amatlah mustahak mendapatkan wang, kalau ketinggalan setahun, itu akan membawa kerugian kepada si anak tadi bertahun-tahun dalam hidupnya. Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, saya mengesyurkan tak payahlah kita tunggu sampai dia umur 50 tahun. Kalau keadaan memerlukan untuk si penyimpanan tadi, apatah lagi kalau dia sakit, walaupun sakit sekalipun, kita berasa dukacita kalau hendak dibagi selepas orang itu hendak keluar negeri atau setakat 1/3, sedangkan wang itu adalah haknya.

Tuan Yang di Pertua, apa yang kita berasa cukup sedih, sedangkan Tuhan telah menetapkan aturan boleh dipinda, kalau keadaan memerlukan misalnya kita katakanlah masalah sembahyang. Ini satu contoh hukum Tuhan yang tak patut dipinda, tetapi ada diberi kelonggaran. Sembahyang Isya', Asar, dan Zuhur, semua 4 rakaat, boleh diringkaskan jadi dua rakaat dan dijamak dua waktu dijalankan satu bagi orang yang musafir. Inikan undang-undang yang kita gubal sendiri, adakah patut undang-undang ini kita tak boleh ubah bagi menyenangkan rakyat? Alasannya kita katakan susah, kerana susah dari segi pentadbiran.

Tuan Yang di Pertua, agak saya tujuan kita mengadakan undang-undang dan membuat pentadbiran untuk amanah rakyat kenekmatan rakyat kesenangan dan kesejahteraan rakyat. Jadi kalau sesuatu perkara yang sudah jelas mendatangkan satu kesusahan kepada rakyat, lebih tepat hak rakyat yang patut diterimanya kita tahan, kita tak boleh beri dengan sebab susah dari segi pentadbiran, biarlah rakyat itu susah asalkan jangan kita susah. Pendapat seperti ini, Tuan Yang di Pertua, sangatlah tak patut sama sekali. Oleh itu, patutlah kita ubah iaitu saya mengesyurkan sekali lagi tak payahlah menunggu umur 55 tahun atau 50 tahun, kalau keadaan memerlukan haknya, biarlah kita beri, jangan tunggu sampai dia berumur 55 atau 50 tahun, sehingga dia dekat hendak mati baharu hendak diberi sebaliknya hendaklah kita beri di masa yang dia amat memerlukan.

Tuan Ibrahim bin Yaakub: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan dan saya merayu kepada Kerajaan untuk melonggarkan Undang-undang E.P.F. ini, iaitu bukan sahaja orang-orang yang berumur 50 tahun boleh mengambil 1/3 dari wangnya, tetapi saya minta kepada Kerajaan siapa-siapa juga yang tidak boleh mendapat pekerjaan lagi oleh sebab umurnya lebih dari 40 tahun bolehlah mengambil wang simpanannya dengan tidak payah menanti umur 50 atau 55 tahun. Saya berkata begitu kerana banyak dari bekas pekerja British War Department yang telah diberhentikan, kerana askar-askar British telah keluar dari negara kita. Mereka sudah puas mencari kerja, samada dengan Kerajaan, gudang-gudang, tetapi tidak berjaya hingga hari ini, sebab umur sudah lebih dari 40 tahun dan kelulusan-kelulusan mereka tidak tinggi. Mereka ini ada banyak terlantar dan mempunyai pula isteri dan anak-anak yang masih bersekolah. Mereka ini telah berkali-kali berjumpa saya dan minta saya rayukan kepada Kerajaan supaya wang simpanan mereka dikeluarkan. Maka dengan adanya Bill ini, saya merayu kepada Kerajaan, tolonglah khaskan kepada pekerja-pekerja bekas British War Department yang terlantar ini akan membenarkan mereka mengambil wang simpanannya dalam E.P.F. supaya mereka dapat belanja sara hidup dan dapat menanggung anak-anak mereka yang bersekolah. Banyak dari mereka ini ada menyimpan wang tidak kurang dari \$8,000

seorang termasuk wang faedah. Mereka ini sudah puas mencari kerja, tetapi tidak berjaya dan saya harap pada Kerajaan kita, akan menaruh belas kasihan kepada mereka, kerana mereka sudah jadi rakyat kita dan banyak pula dari bumiputra kita sendiri yang terlantar itu.

Sekianlah saya dan saya menyokong Bill ini untuk diluluskan.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini, saya suka hendak menarik pandangan Menteri yang berkenaan di atas perkara yang berlaku dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja (E.P.F.).

Kita telah mendengar bahawa Pejabat E.P.F. ini telah mengambil pekerja-pekerjanya dengan tidak mengindahkan dasar Kerajaan. Pada hal E.P.F. ini satu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menjalankan dasar Kerajaan dan untuk menjaga kepentingan orangramai dalam negara kita ini.

Kiranya badan seumpama ini tidak mengikut kehendak dasar Kerajaan bagaimana kita hendak melaksanakan dasar-dasar badan-badan yang tidak dikuasai oleh Kerajaan, kalau badan yang dikuasai oleh Kerajaan sendiri tidak mengindahkan dasar dan kehendak Kerajaan. Ini mesti ada satu kesalahan dan keslapan di dalam E.P.F. ini sendiri.

Setahu saya badan E.P.F. ini telah berjalan begitu lama dengan satu susunan dan cara yang tidak berubah dari semenjak ianya ditubuh sehinggalah kepada masa ini. Dan badan ini boleh dikatakan dikuasai oleh tiga gulungan yang besar iaitu Kerajaan dan badan pekerja iaitu M.T.U.C. dan juga badan-badan yang dipanggilkan badan employer. Dengan adanya badan yang dikuasai oleh tiga gulungan ini, wakil Kerajaan sedikit sangat dalam lembaga ini, jadi Kerajaan tidak dapat hendak melaksanakan dasarnya dalam badan ini.

Saya mencadangkan supaya cara dan sistem ini dirombak dan disusun dengan satu cara dan sistem yang baharu.

Satu daripada perkara yang patut kita tarik pandangan Kerajaan supaya dirombak ialah cara Kerajaan melantik wakil daripada

pekerja. Wakil daripada pekerja dilantik oleh Menteri dengan persetujuan ataupun dengan meminta nama itu daripada satu badan sahaja iaitu M.T.U.C. Enam orang wakil yang diberi nama oleh M.T.U.C. duduk di dalam badan E.P.F. ini. Enam orang ini berkuasa menyuarakan hasrat dan kemahuan sebahagian daripada pekerja-pekerja yang bergabung dengan M.T.U.C., tetapi bagaimana pula mereka yang tidak masuk M.T.U.C. yang juga membayar E.P.F.? Pekerja-pekerja yang begitu ramai yang terdiri daripada mereka yang bergaji rendah dan sebagainya dipotong bayar kepada E.P.F. tetapi suaranya tidak dimasukkan di dalam menerusi M.T.U.C., kerana M.T.U.C. ini satu badan yang dianggotai oleh beberapa badan yang bergabung dengan M.T.U.C. sahaja. Bagaimana pekerja-pekerja yang tidak duduk di bawah M.T.U.C., mereka itu tidak ada suara dalam E.P.F. Sepatutnya enam orang itu dipecah, jangan M.T.U.C. sahaja memberi nama enam orang, orang lain tidak dapat. Sepatutnya Kerajaan boleh menamakan siapa yang difikirkan patut. Kalau enam orang, umpamanya, tiga dari M.T.U.C. tiga lagi Menteri boleh lantik siapa yang difikirkan patut mewakili pekerja-pekerja yang tidak termasuk di dalam golongan M.T.U.C. Inilah yang saya fikir patut dipertimbangkan dengan cermat oleh pihak Kerajaan supaya badan yang seumpama ini tidak menjadi badan yang dicontrol atau dipengaruhi oleh satu golongan sahaja.

Selain daripada itu, umpamanya, badan employer yang diberi nama mewakili Kementerian itu ialah barangkali dua badan sahaja, tidak termasuk Dewan Perniagaan iaitu satu badan yang besar. Kalau sekiranya ahli-ahli perniagaan yang mewakili ahli-ahli perniagaan di seluruh Malaysia, tidak ada wakil di dalam Lembaga ini, saya rasa tidak patut. Sepatutnya diberi peluang kepada Dewan Perniagaan, kalau tidak mahu Dewan Perniagaan Melayu, ambillah Dewan Perniagaan Kebangsaan, umpamanya. National Chamber of Commerce, kita atau satu National Chamber of Commerce di Malaysia ini. Mengapa wakil daripada National Chamber of Commerce tidak dapat mewakili kaum-kaum peniaga yang juga ada kepentingan di dalam membayar E.P.F. ini? Jadi maknanya susunan lama ini patut

dirombak dan diaturkan mengikut cara baharu supaya sesuai dengan kemahuan kemajuan negara kita pada masa ini. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas teguran-teguran yang dibuat oleh tiga orang Ahli Yang Berhormat sekejap tadi dan bagi penjelasannya saya sukalah menerangkan, terutama teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Shaari Jusoh itu tentang pekerja-pekerja di Pejabat E.P.F. Seperti juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan tadi.

Eloklah saya menjelaskan sekali dengan teguran yang dibuat oleh Datuk Nik Hassan iaitu kakitangan di E.P.F. sekarang sebenarnya ialah telah diambil semenjak E.P.F. ini ditubuhkan sebelum tahun 1965 lagi dan pada masa itu sebagai kita tahu tidaklah ada dasar tentang mengambil pekerja yang memberi imej ataupun gambaran rakyat-rakyat yang tinggal di dalam negara kita. Maka dengan sebab itu, ramailah dapati pekerja-pekerja yang bukan bumiputra ataupun Melayu di dalam E.P.F. Tetapi semenjak dasar Kerajaan sekarang telah berlaku, maka walaupun tindakan-tindakan diambil sewajarnya untuk membaiki tentang keadaan yang tidak seimbang itu. Tetapi dukacita tentulah akan mengambil masa yang panjang kerana pegawai-pegawai yang bekerja di sana boleh dikatakan semuanya masih muda dan tidak dapatlah hendak diberhentikan kerja mereka itu. Jadi dengan sebab itulah

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Minta maaf, Tuan Yang di Pertua, bukan kita berkehendak supaya Kerajaan memberhentikan orang-orang yang bekerja di E.P.F. itu setelah dasar Kerajaan itu dibuat bagaimana Menteri kata itu. Jadi lepas daripada dasar itu berjalan, pengambilannya sepatutnya diambil dengan cara yang boleh mengimbangkan ataupun beransur-ansur mengimbangkan keadaan yang tidak seimbang yang ada di dalam Pejabat itu.

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 19hb Februari, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.